



MINIT PERSIDANGAN

**MESYUARAT KEDUA
彭加护议会第一回次会议**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI
YANG KELIMA BELAS**

17 NOVEMBER 2023 - 30 NOVEMBER 2023

Dikeluarkan oleh

**BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG**

PENYATA RASMI

**MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS**

Bil.	Kandungan	Muka Surat
1.	Minit Persidangan Hari Pertama	1 - 10
2.	Minit Persidangan Hari Kedua	11 - 16
3.	Minit Persidangan Hari Ketiga	17 - 22
4.	Minit Persidangan Hari Keempat	23 - 27
5.	Minit Persidangan Hari Kelima	28 - 33
6.	Minit Persidangan Hari keenam	34 - 60
7.	Minit Persidangan Hari Ketujuh	61 - 67
8.	Minit Persidangan Hari Kelapan	68 - 74
9.	Minit Persidangan Hari Kesembilan	75 - 78
10.	Minit Persidangan Hari Kesepuluh	79 - 85

MINIT PERSIDANGAN

MESYUARAT KEDUA PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KELIMA BELAS

Tarikh : 17 NOVEMBER 2023 (JUMAAT)

Masa : 9.30 Pagi

**Tempat : Dewan Persidangan
Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.**

HADIR

BIL	NAMA	JAWATAN / KAWASAN
1	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
2	Y.A.B. Chow Kon Yeow	Ketua Menteri / Padang Kota
3	YB. Prof. Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid	Timbalan Ketua Menteri I / Batu Maung
4	YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh	Timbalan Ketua Menteri II / Datok Keramat
5	YB. Rashidi bin Zinol	Sungai Acheh
6	YB. Zairil Khir Johari	Tanjong Bunga
7	YB. Wong Hon Wai	Paya Terubong
8	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
9	YB. H'ng Mooi Lye	Jawi
10	YB. Daniel Gooi Zi Sen	Padang Lalang
11	YB. Dato' Seri Sundarajoo a/l Somu	Perai
12	YB. Fahmi bin Zainol	Pantai Jerejak
13	YB. Dato'Azrul Mahathir bin Aziz	Timbalan YDP DUN / Bayan Lepas
14	YB. Lim Guan Eng	Air Putih
15	YB. Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican	Bertam
16	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
17	YB. Goh Choon Aik	Bukit Tambun
18	YB. Kumaresan a/l Aramugam	Batu Uban

BIL	NAMA	JAWATAN / KAWASAN
19	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
20	YB. Heng Lee Lee	Berapit
21	YB. Gooi Hsiao-Leung	Bukit Tengah
22	YB. Ong Ah Teong	Batu Lancang
23	YB. Joseph Ng Soon Siang	Air Itam
24	YB. Wong Yuee Harng	Pengkalan Kota
25	YB. Chee Yeeh Keen	Bagan Jermal
26	YB. Connie Tan Hooi Peng	Seri Delima
27	YB. Joshua Woo Sze Zeng	Pulau Tikus
28	YB. Lee Boon Heng	Kebun Bunga
29	YB. Kumaran a/l Krishnan	Bagan Dalam
30	YB. Phee Syn Tze	Sungai Puyu
31	YB. Muhamad Fauzi bin Yusoff	Sungai Dua
32	YB. Zulkefli bin Bakar	Penanti
33	YB. Mohd. Yusni bin Mat Piah	Penaga
34	YB. Bukhori bin Ghazali	Pinang Tunggal
35	YB. Azmi bin Alang	Telok Ayer Tawar
36	YB. Amir Hamzah bin Abdul Hashim @ Md Hashim	Permatang Pasir
37	YB. Izhar Shah bin Datuk Arif Shah	Seberang Jaya
38	YB. Mohd. Sobri bin Saleh	Permatangan Berangan
39	YB. Kol. (B) Muhamad bin Kasim	Telok Bahang
40	YB. Nor Zamri bin Latiff	Sungai Bakap
41	YB. Haji Mohamad Shukor bin Zakariah	Pulau Betong

**AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A
PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.**

Bil.	Nama	Jawatan
1	YB. Dato' Haji Rosli bin Isa	Setiausaha Kerajaan Negeri
2	YB. Dato' Roslinda binti Mohd Shafie	Penasihat Undang-Undang Negeri
3	YB. Dato' Zabidah binti Safar	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Puan Hasma binti Hashim	-	Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Encik Meor Hamzah bin Abdullah Sani	-	Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi.

1. BACAAN DOA

2. PENGUMUMAN OLEH YB. YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri telah memaklumkan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri telah menetapkan hari ini 17 November 2023 sebagai hari permulaan Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Kelima Belas melalui pengisytiharan bertarikh 4 Oktober 2023 yang telah diwartakan pada 5 Oktober 2023.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri telah memaklumkan bahawa Tuan Yang Terutama Tun akan tiba di Dewan untuk menyampaikan ucapan kepada Dewan.

3. UCAPAN PLEH TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG

Bismillahirrahmanirrahim.

YB. Dato' Law Choo Kiang, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang,

Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang,

YB. Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid, Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang,

YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh, Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang,

YB. Dato' Haji Rosli bin Isa, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang,

YB Dato' Azrul Mahathir bin Aziz, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri,

YB. Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan,

Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri,

Ketua-Ketua Jabatan,

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan izin-Nya dapat kita bersama-sama pada pagi yang mulia ini dalam Mesyuarat Kedua Pembukaan Persidangan Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Kelima Belas. Saya juga bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan kehendak dan izin-Nya juga, saya dan Toh Puan dianugerahkan kesihatan yang baik untuk terus memayungi negeri yang tercinta ini.

Kita sama-sama berbangga dan bersyukur Negeri Pulau Pinang terus mengekalkan nikmat keamanan, kestabilan politik dan ekonomi serta kemakmuran. Sesungguhnya, nikmat yang kita capai pada hari ini tidak wajar dipandang mudah dan perlu dijaga sebaiknya. Tidak semua rakyat di seluruh dunia dapat menikmati suasana hidup seperti di negara kita. Allah SWT berfirman yang bermaksud, "Dan ingatlah tatkala Tuhan kamu memberitahu, demi sesungguhnya jika kamu bersyukur, nescaya Aku akan tambah nikmat-Ku kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur ingkar, sesungguhnya azab-Ku amatlah keras". Surah Ibrahim, Ayat 7.

Yang di-Pertua Dewan Negeri dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kedua Pembukaan Persidangan Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Kelima Belas menyaksikan perubahan susunan tempat duduk sebahagian besar Ahli-ahli Dewan dengan wajah dan iltizam baharu. Landskap perubahan ini adalah ekoran daripada keputusan Pilihan Raya Umum bagi Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang ke-15, di mana Ahli-ahli Dewan yang mewakili Parti Tindakan Demokratik, Parti Keadilan Rakyat, Barisan Nasional dan Parti Amanah Negara buat pertama kalinya telah bergabung di bawah payung Kerajaan Perpaduan, bagi membentuk Kerajaan Negeri dengan kemenangan majoriti dua pertiga di dalam Pilihan Raya Umum DUN yang ke-15 lalu. Sehubungan dengan itu, selaras dengan Perkara 7(2)(a), Perlembagaan Negeri Pulau Pinang, Ahli Dewan Negeri Padang Kota yang juga merupakan Pengurus Pakatan Harapan Pulau Pinang, telah saya perkenan untuk mengangkat sumpah jawatan sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang pada tanggal 13 Ogos 2023.

Saya merakamkan sekalung tahniah kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan barisan kepimpinan yang lain atas kemenangan ini dan sebagaimana pesan dan nasihat saya sebelum ini, amanah dan tanggungjawab yang diberikan ini seharusnya digalas dengan penuh integriti dan dedikasi dalam menyampaikan perkhidmatan yang cemerlang kepada negeri ini. Saya turut berharap agar kesinambungan pentadbiran ini tidak digugat malah diberikan sokongan tulen dan kukuh bagi merealisasikan aspirasi dan matlamat Visi Penang2030 sebagai sebuah Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara.

Yang di-Pertua Dewan Negeri dan Ahli-ahli Yang Berhormat, mutakhir ini, dunia dikejutkan dengan berita dan perkembangan tragik di Semenanjung Gaza. Konflik dan perperangan yang masih berterusan telah mengakibatkan penderitaan yang besar terutamanya kepada rakyat Palestin, dengan orang awam khususnya golongan kanak-kanak dan wanita yang tidak berdosa terbunuh serta ramai yang kehilangan nyawa dan rumah kediaman mereka. Titisan air mata, gelodak rasa kesedihan di jiwa, tidak dapat dibendung, melihat kesakitan dan kehilangan nyawa yang dialami oleh sebahagian besar penduduk Palestin. Sebagai ahli komuniti global yang bertanggungjawab dan prihatin, adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk meningkatkan kesedaran tentang apa yang sedang berlaku dan berusaha ke arah membantu keperitan dan malapetaka yang sedang dialami oleh rakyat Palestin di Gaza dan Tebing Barat. Saya mengecam sekeras-kerasnya dan menggesa agar semua tindakan keganasan, pembunuhan dan kezaliman rejim Israel yang berlaku ke atas penduduk Palestin ditamatkan dengan segera. Adalah penting keselamatan dan kesejahteraan orang awam diutamakan. Saya turut menggesa, atas prinsip perikemanusia, agar masyarakat antarabangsa bersama-sama menyokong segala usaha diplomatik untuk mencapai penyelesaian yang komprehensif dan tuntas dengan segera, adil dan saksama demi kebaikan manusia sejagat.

Yang di-Pertua Dewan Negeri dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri atas rekod pencapaian negeri yang cemerlang sepanjang tahun lalu. Kepimpinan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri bersama seluruh jentera pentadbiran Kerajaan Negeri telah menghasilkan kemajuan ekonomi yang ketara bagi Negeri Pulau Pinang.

Pada tahun 2022, ekonomi Pulau Pinang berkembang sebanyak 13.1 peratus. Ini adalah satu peningkatan yang ketara daripada kadar pertumbuhan tahun sebelumnya sebanyak 6.9 peratus dengan nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang direkodkan sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus Dua Belas perpuluhan Satu

bilion (RM112.1 bilion). Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) melaporkan sektor pembuatan terus menjadi penggerak pertumbuhan ekonomi negeri, dengan peningkatan ketara daripada 12.4 peratus pada tahun 2021 ke 15.9 peratus pada tahun 2022. Negeri Pulau Pinang turut mencatatkan sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Belas perpuluhan Tujuh billion (RM13.7 bilion) dalam pelaburan pembuatan yang diluluskan pada tahun 2022, melibatkan aliran masuk sebanyak 135 projek dengan penjanaan sebanyak 15,752 peluang pekerjaan yang baharu. Ini menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai antara penyumbang tertinggi, iaitu dengan sumbangan 16 peratus dalam pelaburan pembuatan yang diluluskan dalam negara pada tahun 2022.

Pelaburan langsung asing (FDI) pula, mencatatkan sebanyak Ringgit Malaysia Sembilan perpuluhan Tujuh billion (RM9.7 bilion) atau 71 peratus daripada aliran masuk pelaburan pembuatan bagi tahun 2022 manakala baki, berjumlah Ringgit Malaysia Empat bilion (RM4 bilion), atau 29 peratus merupakan pelaburan langsung domestik (DDI). Pencapaian ekonomi yang mengagumkan ini menunjukkan bahawa Pulau Pinang berada pada trajektori ekonomi yang memberangsangkan dan berpotensi muncul sebagai kuasa ekonomi yang penting di ASEAN.

Yang di-Pertua Dewan Negeri dan Ahli-ahli Yang Berhormat, mengekalkan integriti kewangan adalah satu elemen kritis dalam urusan berkaitan pentadbiran dan pengurusan kewangan dalam hal ehwal Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas atas kecemerlangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang terus berjaya mengekalkan pengurusan kewangan yang berintegriti apabila menerima Sijil Bersih iaitu Sijil Pendapat Tanpa Teguran daripada Ketua Audit Negara bagi Penyata Kewangan Tahun 2022. Saya dimaklumkan, prestasi kewangan Kerajaan Negeri kekal teguh, dengan baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun semasa berjumlah Ringgit Malaysia Satu perpuluhan Lapan Lima Sembilan bilion (RM1.859 bilion). Hutang awam Kerajaan Negeri yang terdiri daripada hutang kepada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunan menunjukkan baki berjumlah Ringgit Malaysia Empat Puluh Satu perpuluhan Satu Satu juta (RM41.11 juta) pada akhir tahun 2022 berbanding Ringgit Malaysia Empat Puluh Lima perpuluhan Empat Satu juta (RM45.41 juta) pada tahun 2021 iaitu menurun sebanyak Ringgit Malaysia Empat perpuluhan Tiga kosong juta (RM4.30 juta) atau 9.5 peratus. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah berjaya mengurangkan hutangnya dengan mengelakkan pinjaman baharu daripada Kerajaan Persekutuan dan dengan membayar balik pinjaman sedia ada tepat pada masanya. Kecemerlangan ini terus diukir dengan tiada rekod pinjaman baharu oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang daripada Kerajaan Persekutuan yang dibuat sejak tahun 2016. Saya menggesa agar potret kecemerlangan ini terus dikenalkan bagi meningkatkan keyakinan dan kepercayaan komuniti serta menarik lebih ramai pelabur ke negeri ini. Dalam hal ini, saya ingin menggesa agar idea-idea baharu dapat dipertimbangkan bagi meningkatkan dan mempelbagaikan jumlah dan unsur pendapatan tahunan yang diterima oleh Kerajaan Negeri yang boleh digunakan untuk kepentingan rakyat.

Yang di-Pertua Dewan Negeri dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kerjasama yang erat antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan adalah penting untuk memastikan projek pembangunan dan infrastruktur yang dirancang dilaksanakan mengikut garis masa yang ditetapkan supaya rakyat dapat menikmati manfaatnya. Dalam Belanjawan 2024 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan pada 13 Oktober 2023 yang lalu, Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan peruntukan sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh bilion (RM10 bilion) bagi pelaksanaan Projek Light Rail Transit (LRT) Pulau Pinang ke Seberang Perai dengan kaedah kerjasama awam-swasta. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih atas komitmen Kerajaan

Persekutuan untuk melaksanakan projek jajaran LRT yang telah lama dinanti-nantikan oleh rakyat Pulau Pinang. Kendatipun begitu, saya memohon supaya Kerajaan Persekutuan mempertimbangkan peruntukan pembangunan yang lebih tinggi untuk Negeri Pulau Pinang. Antaranya, bagi membaiayai projek-projek menangani isu kesesakan trafik ke Sungai Dua, Lebuhraya Utara-Selatan dan kawasan sekitar di Seberang Perai, Pulau Pinang. Berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus Sembilan Puluh Lima bilion (RM295 bilion) eksport Malaysia adalah melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh Enam bilion (RM56 bilion) eksport adalah melalui Pelabuhan Pulau Pinang. Sekiranya aliran trafik di Seberang Perai ini tidak diatasi dengan segera, ia sedikit sebanyak akan memberi kesan kepada pembangunan sosioekonomi di negeri ini. Di samping itu, saya turut berharap agar Kerajaan Persekutuan dapat memberi keutamaan kepada Negeri Pulau Pinang mengenai pembangunan infrastruktur atau dana peruntukan tambahan bagi memenuhi keperluan penjagaan kesihatan warga emas di negeri ini. Ini adalah sejajar dengan laporan daripada Projek Penduduk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang meramalkan bahawa menjelang 2040, Negeri Pulau Pinang akan mempunyai populasi penuaan tertinggi di Malaysia. Inisiatif-inisiatif seperti saringan kesihatan warga emas, klinik warga emas dan sebagainya boleh diperkasa demi memfokuskan kepada kehidupan dan kesihatan yang berkualiti serta berupaya mempromosi penuaan sihat dalam kalangan warga emas di negeri ini.

Yang di-Pertua Dewan Negeri dan Ahli-ahli Yang Berhormat, baru-baru ini, saya telah diberi kesempatan untuk memberikan ucaptama sempena 2023 *Global Chinese Economic & Techology Summit* di Shenzen, China. Seminar yang bertemakan "Memperkasakan Pertumbuhan, Teknologi dan Kemakmuran Serantau" atau "*Powering Growth, Technology & Regional Prosperity*", memberi penekanan kepada berbagai-bagai isu geostrategik dan geoeconomik, pertumbuhan hijau dan ekonomi hijau, transformasi digital serta ekonomi berdasarkan pengetahuan. Saya percaya dan yakin, meskipun terdapat krisis dan cabaran geostrategik dan geoeconomik yang dihadapi pada masa kini, Negeri Pulau Pinang telah mengalami pertumbuhan dan pembangunan yang ketara, dengan menumpukan kepada kemajuan yang mampu dan inklusif, merangkumi pembangunan infrastruktur, penambahbaikan kemudahan awam dan sistem pengangkutan. Di samping itu, pelbagai usaha juga telah dan sedang digembung oleh pihak-pihak berkepentingan ke arah pencapaian kepelbagaiannya ekonomi dengan penekanan khusus ditumpukan kepada kemajuan teknologi dan inovasi. Buktinya, menurut laporan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Negeri Pulau Pinang telah merekodkan pelaburan yang diluluskan berjumlah Ringgit Malaysia Empat perpuluhan Dua Lima Lapan bilion (RM4.258 bilion), merangkumi 67 buah projek dengan unjuran sebanyak 4,738 peluang pekerjaan baharu pada awal tahun ini hingga Jun 2023. Pelaburan langsung asing (FDI) kekal sebagai penyumbang utama kepada jumlah pelaburan yang diluluskan di Negeri Pulau Pinang iaitu sebanyak Ringgit Malaysia Dua perpuluhan Lapan Dua Empat bilion (RM2.824 bilion) manakala pelaburan langsung domestik (DDI) menyumbang sebanyak Ringgit Malaysia Satu perpuluhan Empat Tiga Empat bilion (RM1.434 bilion) bagi tempoh Januari hingga Jun 2023. Walau bagaimanapun, masih banyak tugas yang perlu dilakukan untuk memastikan Pulau Pinang terus berkembang maju pada tahun-tahun akan datang. Sebagai pemimpin, adalah menjadi tanggungjawab Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk bekerjasama dalam menangani cabaran yang dihadapi oleh negeri kita, bagi membina masa depan yang lebih cerah untuk seluruh rakyat Pulau Pinang.

Yang di-Pertua Dewan Negeri dan Ahli-ahli Yang Berhormat, pencapaian cemerlang negeri pada hari ini, tidak akan berhasil tanpa adanya dasar, arah tuju dan program yang jelas dan kukuh. Kesemua ini perlu dilaksanakan dengan strategi yang sebaik-baiknya, tanpa sebarang sifat prejedis atau salah sangka. Sekiranya terdapat isu yang dirasakan perlu ditambah baik, perkara ini perlu diutarakan secara berhemah dan membina di dalam platform yang bersesuaian secara bertanggungjawab. Saya memohon agar isu-isu yang dibangkitkan tidak diperkotak-katikkan atau dibawa ke platform yang tidak bersesuaian sehingga menggadaikan kestabilan dan keharmonian negeri ini. Saya juga ingin mengingatkan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab agar tidak menyebarkan maklumat atau melemparkan tuduhan-tuduhan dan kritikan tidak berasas terhadap Kerajaan Negeri, khususnya tanpa sebarang usul periksa yang kukuh dan jelas. Golongan-golongan ini lebih cenderung mempercayai berita palsu dan tidak tepat serta berlumba-lumba untuk menjadi johan bagi menularkan berita-berita sedemikian. Gelombang berita palsu ini bukan sahaja mampu mengganggu-gugat kestabilan ekonomi negeri ini, malah turut menghakis keamanan dan keharmonian rakyat. Oleh itu, saya menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk terus membantu Kerajaan Negeri dalam menguar-uarkan berita yang tepat dan sahih agar perkara ini dapat dirai dengan sebaiknya demi kelangsungan keamanan dan kesejahteraan di negeri ini.

Yang di-Pertua Dewan Negeri dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita semua sedia maklum, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah melahirkan gagasan Visi Penang2030 bagi mencorakkan perjalanan negeri ini dengan mengambil kira harapan, pandangan dan idea seluruh segmen asyarakat, terutamanya generasi muda.

Inisiatif ini akan dipacu dengan matlamat dan sasaran yang jelas, iaitu ke arah merealisasikan Pulau Pinang sebagai sebuah Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara. Sesungguhnya, Visi Penang2030 perlu digarap melalui usaha bersepadu dan kolaboratif antara semua pihak dalam mewujudkan keseimbangan dan kestabilan ekonomi dan sosial, di samping memartabatkan nilai dan akhlak moral yang tinggi dalam kalangan penduduk di negeri ini.

Oleh itu, saya menyeru semua Ahli-ahli Yang Berhormat agar terus menjadikan Visi Penang2030 sebagai petunjuk utama dalam setiap dasar, program dan strategi penyampaian perkhidmatan yang ingin dilaksanakan kelak. Ini adalah penting agar setiap hala tuju yang ingin dilaksanakan tidak tersasar daripada maksud atau visi yang telah digariskan.

Yang di-Pertua Dewan Negeri dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Selain daripada taat setia kepada Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat juga perlu melaksanakan perkhidmatan teras atau “*core business*” yakni amanah yang diberikan dengan menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat di negeri ini.

Ini adalah sejajar dengan konsep Malaysia MADANI yang telah digagaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, iaitu bagi mengangkat martabat insan berpaksikan keyakinan, nilai, akhlak serta tata kelola yang adil dan berkesan.

Saya yakin, Malaysia MADANI yang telah diperkenalkan ini, merupakan satu pendekatan yang tepat, mengambil kira, tahap kemajuan sesebuah negara tidak hanya diukur oleh petunjuk ekonomi dan kemampuan berdaya saing semata mata, tetapi turut dinilai dari aspek integriti dan moral yang dimiliki oleh organisasi dan masyarakatnya.

Oleh yang demikian, saya menyeru agar fokus penyampaian perkhidmatan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dapat dilaksanakan berdasarkan nilai dan elemen-elemen MADANI yang telah digarapkan. Selain itu, saya juga ingin menyeru agar Ahli-ahli yang Berhormat sekalian, dapat kerap turun padang untuk memperkenalkan dan

menjelaskan dasar-dasar Kerajaan, bagi membolehkan perkhidmatan secara lebih adil dan saksama disampaikan kepada rakyat di Negeri ini.

Yang di-Pertua Dewan Negeri dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas di atas langkah Kerajaan Negeri yang terus berusaha dalam memperkenalkan inisiatif pembayaran tanpa tunai sebagai kaedah pembayaran alternatif dalam kalangan rakyat negeri ini. Apa yang membanggakan lagi, sehingga kini, kadar penembusan pembayaran digital sektor awam di Pulau Pinang telah mencapai kemajuan yang cemerlang dan memberangsangkan, dengan pencapaian 90 peratus yang melakukan transaksi pembayaran tanpa tunai. Sementelah itu, Ketua Setiausaha Negara juga telah mengadakan satu sesi tinjauan khas bagi tiga projek di bawah kategori Anugerah Inovasi Perdana Sektor Awam 2023. Ini termasuk projek yang telah dibangunkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, iaitu projek *Penang Smart Parking* (PSP) pada 28 Oktober 2023 yang lalu.

Aplikasi PSP telah digunakan secara meluas oleh warga Pulau Pinang dan sehingga 22 Oktober 2023, aplikasi ini telah dimuat turun sebanyak 1,245,594 kali dan digunakan secara aktif oleh seramai 262,728 pengguna. Melalui aplikasi sebegini, saya difahamkan Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Bandaraya Seberang Perai telah berjaya menjimatkan sebanyak Ringgit Malaysia satu perpuluhan dua juta (RM1.2 juta) setahun melalui penjimatan cetakan kupon parkir dan penyelenggaraan Tempat Letak Kereta.

Saya juga difahamkan, projek PSP telah terpilih sebagai finalis dan menjadi Johan Anugerah Inovasi Sektor Awam bagi kategori Trek Infrastruktur dengan membawa pulang wang tunai sebanyak Ringgit Malaysia dua ratus ribu (RM200,000.00) yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia di Majlis AlnSA Tahun 2023 pada 7 November 2023 di PICC Putrajaya. Sekalung tahniah dan syabas saya ucapkan.

Saya berharap usaha sebegini dapat diteruskan, yang bukan sahaja seiring dengan peredaran zaman dunia digital yang semakin dinamik, namun berjaya memacu penggunaan perkhidmatan kewangan digital dan menggalakkan pembudayaan inovasi dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam di negeri ini.

Yang di-Pertua Dewan Negeri dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

Menelusuri perkembangan dan kepentingan Kecerdasan Buatan atau Artificial Intelligence (AI) dalam memacu kemajuan digital, saya percaya pelbagai usaha telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui Digital Penang dengan mengadakan penganjuran bengkel dan program-program yang berterusan.

Usaha-usaha yang dijalankan ini adalah bagi mempromosikan penggunaan AI merentasi pelbagai industri dalam menjadikan negeri ini sebagai sebuah hab inovasi dan teknologi digital serta pembangunan bandar pintar.

Apa yang pasti, pelaburan negeri dalam infrastruktur dan ekosistem digital, ditambah dengan pelbagai inisiatif untuk menyokong pertumbuhan ekonomi digital, telah melahirkan sebuah persekitaran dan ekosistem yang kondusif dan maju.

Tumpuan Kerajaan Negeri terhadap AI dan teknologi digital telah menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan sosial di negeri ini, dan pada masa ini, Negeri Pulau Pinang berada pada kedudukan yang cemerlang untuk terus memacu kemajuan digital di rantau ini.

Namun begitu, kita juga harus sedar bahawa penekanan terhadap kepentingan AI ini adalah perlu sejajar dengan kepentingan Analisis Data Raya atau Big Data Analytics.

Kepentingan Analisis Data Raya ini adalah wajar diperhalusi dan dibangunkan secara sebaiknya bagi memastikan segala keputusan berdasarkan data dapat dihasilkan dengan lebih berkesan dan cekap. Ini bukan sahaja bagi membawa kepada peningkatan mutu penyampaian perkhidmatan awam, malah dapat meningkatkan tadbir urus yang lebih baik secara keseluruhan.

Yang di-Pertua Dewan Negeri dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

Selaku Kerajaan yang bertanggungjawab, perhatian serius dan ingatan patut di beri kepada semua agensi dan jabatan untuk terus bersiap siaga bagi menghadapi fasa Monsun Timur Laut yang sedang berlaku, iaitu dari awal bulan ini dan dijangka akan berakhir pada bulan Mac 2024. Jabatan Meteorologi Malaysia telah meramalkan semasa Monsun Timur Laut ini, Negeri Pulau Pinang dijangka menerima jumlah hujan bulanan pada julat purata di antara 190 milimeter hingga 290 milimeter pada bulan November dan di antara 90 milimeter hingga 130 milimeter pada Disember 2023.

Pepatah Melayu ada menyebut “sediakan payung sebelum hujan” dan nasihat saya kepada rakyat Pulau Pinang adalah untuk terus peka dengan perubahan dan amaran cuaca terkini serta bekerjasama dalam mematuhi arahan dan prosedur yang ditetapkan dari masa ke semasa.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Perak atas kesudian menerima kunjungan hormat daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengadakan perbincangan bersama mengenai hala tuju pelaksanaan projek Sungai Perak pada 9 November 2023 yang lalu.

Alhamdulillah, secara prinsipnya, Kerajaan Negeri Perak telah bersetuju untuk menjual air terawat kepada Negeri Pulau Pinang dan keputusan ini telah memberi impak yang positif di dalam penyelesaian jangka masa panjang untuk memenuhi permintaan air sehingga tahun 2050 kepada rakyat Negeri Pulau Pinang dan Utara Perak.

Persetujuan secara prinsip yang dicapai antara Negeri Pulau Pinang dan Perak ini melambangkan hubungan baik antara dua negeri jiran yang berdaulat yang patut menjadi contoh terbaik bagi Pulau Pinang dan negeri jiran lain yang berkenaan, demi kepentingan keamanan, kesejahteraan dan keharmonian rakyat keseluruhannya. Bak kata pepatah “serumpun bak serai, sesusun bak sirih”.

Akhir kalam, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas komitmen dan khidmat bakti seluruh anggota Perkhidmatan Awam dalam menjamin kedaulatan, keselamatan dan keamanan negeri ini.

Adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk terus memelihara kedaulatan dan keutuhan wilayah Pulau Pinang sebagai sebuah negeri berdaulat di bawah Persekutuan Malaysia yang telah sekian lama termaktub dalam Perkara 1(2) Perlembagaan Persekutuan, di mana keabsahannya tidak boleh dipertikaikan.

Saya yakin dan percaya Kerajaan Negeri dan seluruh jentera Perkhidmatan Awam akan terus menjadi tunjang dan nadi penggerak dalam membangunkan Negeri Pulau Pinang ke arah masa hadapan yang lebih cerah dan cemerlang.

Saya berdoa ke hadrat Allah SWT, semoga negeri kita yang tercinta ini akan terus maju dan makmur, serta sentiasa terlindung daripada segala bencana dan

malapetaka, dengan rakyatnya mendapat taufik dan hidayah, bersatu padu dan sejahtera serta sentiasa hidup dalam aman sentosa di bawah lindungan-Nya.

Dengan itu, dan dengan lafaz Bismillahirahmanirrahim, saya merasmikan Pembukaan Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Kelima Belas.

Selamat bersidang di Dewan Yang Mulia ini.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaaatuh.

4. PENGUMUMAN OLEH YB. YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri memaklumkan bahawa TYT. Yang di-Pertua Negeri akan meninggalkan Dewan dan Ahli-ahli Yang Berhormat dijemput untuk bergambar bersama-sama dengan Tuan Yang Terutama Tun.

Mesyuarat telah ditangguhkan dan akan bersidang semula pada hari Isnin 20 November 2023 jam 9.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 10.35 pagi.

MINIT PERSIDANGAN

MESYUARAT KEDUA PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KELIMA BELAS

Tarikh : 20 NOVEMBER 2023 (ISNIN)

Masa : 9.30 Pagi

**Tempat : Dewan Persidangan
Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.**

HADIR

BIL	NAMA	JAWATAN / KAWASAN
1	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
2	Y.A.B. Chow Kon Yeow	Ketua Menteri / Padang Kota
3	YB. Prof. Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid	Timbalan Ketua Menteri I / Batu Maung
4	YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh	Timbalan Ketua Menteri II / Datok Keramat
5	YB. Rashidi bin Zinol	Sungai Acheh
6	YB. Zairil Khir Johari	Tanjong Bunga
7	YB. Wong Hon Wai	Paya Terubong
8	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
9	YB. H'ng Mooi Lye	Jawi
10	YB. Daniel Gooi Zi Sen	Padang Lalang
11	YB. Dato' Seri Sundarajoo a/l Somu	Perai
12	YB. Fahmi bin Zainol	Pantai Jerejak
13	YB. Dato'Azrul Mahathir bin Aziz	Timbalan YDP DUN / Bayan Lepas
14	YB. Lim Guan Eng	Air Putih
15	YB. Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican	Bertam
16	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
17	YB. Goh Choon Aik	Bukit Tambun
18	YB. Kumaresan a/l Aramugam	Batu Uban

BIL	NAMA	JAWATAN / KAWASAN
19	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
20	YB. Heng Lee Lee	Berapit
21	YB. Gooi Hsiao-Leung	Bukit Tengah
22	YB. Ong Ah Teong	Batu Lancang
23	YB. Joseph Ng Soon Siang	Air Itam
24	YB. Wong Yuee Harng	Pengkalan Kota
25	YB. Chee Yeeh Keen	Bagan Jermal
26	YB. Connie Tan Hooi Peng	Seri Delima
27	YB. Joshua Woo Sze Zeng	Pulau Tikus
28	YB. Lee Boon Heng	Kebun Bunga
29	YB. Kumaran a/l Krishnan	Bagan Dalam
30	YB. Phee Syn Tze	Sungai Puyu
31	YB. Muhamad Fauzi bin Yusoff	Sungai Dua
32	YB. Zulkefli bin Bakar	Penanti
33	YB. Mohd. Yusni bin Mat Piah	Penaga
34	YB. Bukhori bin Ghazali	Pinang Tunggal
35	YB. Azmi bin Alang	Telok Ayer Tawar
36	YB. Amir Hamzah bin Abdul Hashim @ Md Hashim	Permatang Pasir
37	YB. Izhar Shah bin Datuk Arif Shah	Seberang Jaya
38	YB. Mohd. Sobri bin Saleh	Permatangan Berangan
39	YB. Kol. (B) Muhamad bin Kasim	Telok Bahang
40	YB. Nor Zamri bin Latiff	Sungai Bakap
41	YB. Haji Mohamad Shukor bin Zakariah	Pulau Betong

**AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A
PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.**

Bil.	Nama	Jawatan
1	YB. Dato' Haji Rosli bin Isa	Setiausaha Kerajaan Negeri
2	YB. Dato' Roslinda binti Mohd Shafie	Penasihat Undang-Undang Negeri
3	YB. Dato' Zabidah binti Safar	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Puan Hasma binti Hashim	-	Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Encik Meor Hamzah bin Abdullah Sani	-	Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi.

1. BACAAN DOA

2. PENGUMUMAN OLEH YB. YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri telah mengalu-alukan kedatangan YB. Dato' Haji Rosli bin Isma sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri yang baharu mulai 4 Oktober 2023.

Yang di-Petua Dewan Undangan Negeri juga telah mengumumkan mengikut Sub Peraturan 4A(1) – Peraturan-Peaturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang YB. Muhammad Fauzi bin Yusoff, Ahli Kawasan Sungai Dua sebagai Ketua Pembangkang.

Yang di-Petua Dewan Undangan Negeri juga telah memaklumkan selaras dengan Perkaa 14, Pakaian Ahli-ahli pemakaian baju batik berlengan panjang adalah digalakkan secara sukarela dan mengecualikan pemakaian tali leher bagi pakaian *lounge suit* mengikut keselesaan masing-masing.

Yang di-Petua Dewan Undangan Negeri juga telah memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini berbeza dengan pesidangan yang lalu di mana ianya akan perasmian dan pembentangan bajet akan dijalankan dalam mesyuarat yang sama.

Mesyuarat dimaklumkan akan mempertimbangkan sejumlah 77 soalan Lisan, 711 Soalan Bertulis, 1 Rang Undang-undang dan 3 Usul.

3. PEMBENTANGAN RISALAH-RISALAH

- | | |
|--------------------|--|
| Bil. 7 Tahun 2023 | - Bajet Tahun 2024 Negeri Pulau Pinang Mengurus dan Pembangunan Negeri Pulau Pinang |
| Bil. 8 Tahun 2023 | - Bajet Tahun 2042 Negeri Pulau Pinang Perjanjian Program |
| Bil. 9 Tahun 2023 | - Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2022 |
| Bil. 10 Tahun 2023 | - Laporan Ketua Audit Negeria Siri 2 Tahun 2021 Mengenai Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri |
| Bil. 11 Tahun 2023 | - Laporan Tahunan 2021 Suruhanjaya Perkhidmatan Awama Malaysia (SPA) |
| Bil. 12 Tahun 2023 | - Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) Tahun 2022 |
| Bil. 14 Tahun 2023 | - Penyata Kewangan Lembangan Perumahan Negeri Pulau Pinang Tahun 2021 |

- | | |
|--------------------|--|
| Bil. 15 Tahun 2023 | - Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Tahun 2022 |
| Bil. 16 Tahun 2023 | - Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) Tahun 2022 |

4. SOALAN-SOALAN BERTULIS

Jawapan kepada soalan-soalan bertulis telah diletakkan di atas meja ahli yang bertanya selaras dengan Subperaturan 15(1)(h), Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan akan dimasukkan dalam Penyata Rasmi.

SOALAN-SOALAN LISAN

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Chuan Aik) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Huraikan keluasan pentadbiran, hasil tahunan dan perbelanjaan tahunan mengikut daerah di MBSP.
 - (a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memecahkan pentadbiran MBSP kepada beberapa PBT? Jelaskan kebaikan dan halangannya.
 - (b) Huraikan bantuan kewangan tahunan kepada MBPP dan MBSP oleh KPKT sejak tahun 2009.
 - (c) Apakah status Deraf Rancangan Tempatan Seberang Perai?

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Terangkan secara terperinci tentang kronologi isu penjualan tanah di Byram, BKIP2 oleh PDC kepada UMECH.
 - (a) Nyatakan kelemahan / kesilapan dalam proses dan prosedur penjualan tanah sedia ada serta usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menangani isu ini.
 - (b) Nyatakan peranan dan tanggungjawab PDC dalam usaha membangunkan BKIP2 selain daripada menjual tanah.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Muhamad bin Kasim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:..

3. Para nelayan di Kuala Sungai Pinang dan Kuala Jalan Baru mengalami masalah pemendapan tambor(selut) yang cetek dan sempit alur lalu sungai ke laut lepas, terutama pada musim air surut. Apakah perancangan jangka pendek dan panjang dari Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah tersebut?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tan Hooi Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Masyarakat Pulau Pinang semakin menua. Menjelang tahun 2040, kira-kira satu (1) daripada empat (4) orang rakyat merupakan warga emas. Kawasan Seri Delima kini berhadapan dengan situasi yang sama. Apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam mewujudkan bandar mesra warga emas?.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Wong Yuee Harng) bertanya kepada Y.A.B Ketua Menteri:

5. Berapakah perbelanjaan tahunan disediakan bagi penyelenggaraan Taman Bandar Arkeologi Sia Boey?
 - (a) Kerja penyelenggaraan tersebut dalam keadaan kurang memuaskan. Nyatakan langkah yang akan diambil bagi memastikan ia bertaraf warisan dunia UNESCO.
 - (b) Terdapatnya permintaan tinggi untuk menyediakan tandas awam di taman tersebut. Adakah PDC mempunyai rancangan untuk membina tandas awam?

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan a/l Aramugam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Nyatakan hasil lawatan ke luar negara oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang termasuk nilai pelaburan, kerjasama antara negara dan tahap keyakinan pelabur asing terhadap negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Apakah hala tuju Kerajaan Negeri dan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang di dalam pembangunan infrastruktur dan perkhidmatan kesihatan awam untuk negeri Pulau Pinang khususnya pasca pandemik COVID-19?

5. TAMAT SOALAN LISAN

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri memaklumkan 1 jam 30 minit soalan lisan sudah tamat selaras dengan Subperaturan 26(7) dan semua jawapan yang telah dijawab akan diletakkan di atas meja ahli yang bertanya dan akan dimasukkan di dalam Penyata Rasmi.

6. RANG UNDANG-UNDANG

Y.A.B. Ketua Menteri telah mencadangkan Rang Undang-Undang dibaca bagi kali kedua pada 24 haribulan November. YB. Timbalan Ketua Menteri I telah menyokong.

7. USUL TERIMA KASIH ATAS UCAPAN TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. The Lai Heng) telah mencadangkan pembentangan usul.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik) telah menyokong dan mengambil bahagian dalam perbahasan Usul.

8. PERSIDANGAN DILANJUTKAN

Y.A.B. Ketua Menteri memohon dibawah Peraturan 6A(1), Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang supaya sidang Dewan dilanjutkan sehingga jam 6.30 petang.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Gooi Zi Sen) menyokong.
Sokongan sebulat suara.

9. SAMBUNGAN PERBAHASAN USUL

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhammad Fauzi bin Yusof) mengambil bahagian perbahasan Usul.

Ahli Kawasan Berapit (YB Heng Lee Lee) mengambil bahagian dalam perbahasan Usul.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Usul.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Zulkefli bin Bakar) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Usul.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Usul.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Wong Yuen Harng) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Usul.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Azmi bin Alang) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Usul.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Kumaran a/l Krishnan) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Usul.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Usul.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Lee Boon Heng) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Usul.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tan Hooi Peng) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Usul.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumarasen a/l Aramugam) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Usul.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Chee Yeeh Keen) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Usul.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Joshua Woo Sze Zeng) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Usul.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Syn Tze) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Usul.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Izhar Shah bin Datuk Arif Shah) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Usul.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.30 petang.

MINIT PERSIDANGAN

MESYUARAT KEDUA PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KELIMA BELAS

Tarikh : 21 NOVEMBER 2024 (SELASA)

Masa : 9.30 Pagi

**Tempat : Dewan Persidangan
Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.**

HADIR

BIL	NAMA	JAWATAN / KAWASAN
1	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
2	Y.A.B. Chow Kon Yeow	Ketua Menteri / Padang Kota
3	YB. Prof. Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid	Timbalan Ketua Menteri I / Batu Maung
4	YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh	Timbalan Ketua Menteri II / Datok Keramat
5	YB. Rashidi bin Zinol	Sungai Acheh
6	YB. Zairil Khir Johari	Tanjong Bunga
7	YB. Wong Hon Wai	Paya Terubong
8	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
9	YB. H'ng Mooi Lye	Jawi
10	YB. Daniel Gooi Zi Sen	Padang Lalang
11	YB. Dato' Seri Sundarajoo a/l Somu	Perai
12	YB. Fahmi bin Zainol	Pantai Jerejak
13	YB. Dato'Azrul Mahathir bin Aziz	Timbalan YDP DUN / Bayan Lepas
14	YB. Lim Guan Eng	Air Putih
15	YB. Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican	Bertam
16	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
17	YB. Kumaresan a/l Aramugam	Batu Uban

BIL	NAMA	JAWATAN / KAWASAN
18	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
19	YB. Heng Lee Lee	Berapit
20	YB. Gooi Hsiao-Leung	Bukit Tengah
21	YB. Ong Ah Teong	Batu Lancang
22	YB. Joseph Ng Soon Siang	Air Itam
23	YB. Wong Yuee Harng	Pengkalan Kota
24	YB. Chee Yeeh Keen	Bagan Jermal
25	YB. Connie Tan Hooi Peng	Seri Delima
26	YB. Joshua Woo Sze Zeng	Pulau Tikus
27	YB. Lee Boon Heng	Kebun Bunga
28	YB. Kumaran a/l Krishnan	Bagan Dalam
29	YB. Phee Syn Tze	Sungai Puyu
30	YB. Muhamad Fauzi bin Yusoff	Sungai Dua
31	YB. Zulkefli bin Bakar	Penanti
32	YB. Mohd. Yusni bin Mat Piah	Penaga
33	YB. Bukhori bin Ghazali	Pinang Tunggal
34	YB. Amir Hamzah bin Abdul Hashim @ Md Hashim	Permatang Pasir
35	YB. Izhar Shah bin Datuk Arif Shah	Seberang Jaya
36	YB. Mohd. Sobri bin Saleh	Permatangan Berangan
37	YB. Kol. (B) Muhamad bin Kasim	Telok Bahang
38	YB. Nor Zamri bin Latiff	Sungai Bakap
39	YB. Haji Mohamad Shukor bin Zakariah	Pulau Betong

TIDAK HADIR

BIL	NAMA	JAWATAN / KAWASAN
1	YB. Goh Choon Aik	Bukit Tambun
2	YB. Azmi bin Alang	Telok Ayer Tawar

**AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A
PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.**

Bil.	Nama	Jawatan
1	YB. Dato' Haji Rosli bin Isa	Setiausaha Kerajaan Negeri
2	YB. Dato' Roslinda binti Mohd Shafie	Penasihat Undang–Undang Negeri
3	YB. Dato' Zabidah binti Safar	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Puan Hasma binti Hashim - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Encik Meor Hamzah bin Abdullah Sani - Timbalan Setiausaha
Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi.

1. BACAAN DOA

2. SOALAN LISAN

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Lee Boon Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Berapakah kes yang direkodkan di Pulau Pinang berkaitan dengan penipuan atas talian atau pelbagai jenis 'scam' pada tahun 2023 berbanding tahun 2022?
(a) Jika berlaku peningkatan, apakah langkah pihak berkuasa dalam menangani isu ini dengan efisien?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Azmi bin Alang) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Banjir kilat di kawasan sekitar Taman Wira dan berdekatan.
(a) Adakah pihak MBSP / JPS mempunyai perancangan untuk menaik taraf Rumah Pam Taman Wira bagi mengelakkan situasi di atas terus berlarutan?
(b) Berapakah nilai kos bagi kerja naik taraf tersebut?
(c) Nyatakan projek tebatan banjir yang telah dilaksanakan di SPU.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Syn Tze) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi jangka Panjang dan pendek untuk mengatasi masalah kekeruhan di Pusat Rawatan Air Sungai Dua apabila setiap kali berlaku hujan lebat mahupun banjir di Kawasan sempadan Kedah sehingga menyebabkan bekalan air bersih di seluruh Pulau Pinang terjejas teruk?

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Senaraikan aktiviti-aktiviti penjualan tanah oleh Kerajaan Negeri dan Agensi Kerajaan seperti PDC dan CMI melalui kaedah rundingan secara terus.
(a) Mengapakah Kerajaan Negeri menggunakan kaedah rundingan secara terus dan bukannya kaedah pembukaan tender terbuka?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Amir Hamzah bin Abdil Hashim @ Md. Hashim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Senaraikan tanah perkuburan Cina serta keluasan yang ada di Parlimen Permatang Pauh.
(a) Apakah ada keperluan lagi untuk membuka lot tanah perkuburan Cina yang baru di Parlimen Permatang Pauh?

Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. SPAN mengkategorikan Empangan Air Mengkuang sebagai empangan air berisiko tinggi. Apakah tindakan mengatasi kelemahan ditimbulkan oleh SPAN demi menjaminkan bekalan air berterusan dan kukuh kepada rakyat Pulau Pinang?
- (a) SPAN mencadangkan pemindahan air antara empangan, adakah PBA bersedia membina saluran air khusus memindahkan air daripada Empangan Air Itam kepada Empangan Teluk Bahang?

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Berapakah stesen pengecasan untuk motosikal elektrik telah dipasang di sekitar Pulau Pinang?
- (a) Adakah sebarang perancangan untuk menambah stesen pengecasan tersebut?
- (b) Apakah kadar penggunaan stesen pengecasan tersebut sejak ia dipasang di lokasi yang dinyatakan?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Mohamad Shukor bin Zakariah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Apakah langkah bagi menggalakkan pelajar lepasan SPM untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi kerana statistik menunjukkan ramai pelajar lepasan SPM tidak berminat untuk menyambung pelajaran?
- (a) Berapa ramaikah pelajar lepasan SPM yang menyambung pelajaran bagi tahun 2021 dan 2022?
- (b) Apakah langkah kerajaan bagi mengatasi masalah ini?

Ahli Kawasan Penanti (YB. Zulkefli bin Bakar) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Apakah respon Kerajaan Negeri berhubung isu penjualan tanah oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) termasuk rundingan urus niaga yang dimeterai dengan UMECH Constructions Sdn. Bhd.?
- (a) Apakah punca penamatan perjanjian PDC di samping cadangan penstrukturkan semula organisasi berkenaan?.

Ahli Kawasan Bagan Jerml (YB. Chee Yeeh Keen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Pulau Pinang mempunyai ekosistem pembuatan semikonduktor yang mampan, terutamanya tertumpu pada pemasangan dan pengujian (manufacturing). Sektor ini telah menjadi kuasa dominan di Pulau Pinang selama lima (5) dekad. Apakah inisiatif yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk merangsang perkembangan dan potensi syarikat reka bentuk cip di Pulau Pinang?.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Izhar Shah bin Datuk Arif Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Apakah pendirian Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa janji untuk membela semua peringkat penduduk negeri ini dengan cara memastikan dan meminta supaya wakil-wakil rakyat dari Pembangkang dapat turut membantu menyelaraskan keperluan dan aduan rakyat?
 - (a) Apakah jaminan agihan peruntukan perbekalan dan pembangunan merangkumi kawasan yang diwakili pembangkang turut akan diberikan?

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Nyatakan butiran dan skop terperinci rancangan projek transit aliran ringan (LRT) Pulau Pinang.
 - (a) Bagaimanakah projek LRT akan menjadi pemangkin kuat dalam pembangunan masa depan negeri secara keseluruhannya?.

3. TAMAT SOALAN LISAN

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri memaklumkan 1 jam 30 minit soalan lisan sudah tamat selaras dengan Subperaturan 26(7) dan semua jawapan yang telah dijawab akan diletakkan di atas meja ahli yang bertanya dan akan dimasukkan di dalam Penyata Rasmi.

4. PERBAHASAN ATAS USUL UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG

Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Usul.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni bin Mat Piah) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Usul.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Usul.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Usul.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Bukhori bin Ghazali) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Usul.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Muhamad bin Kasim) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Usul.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Amir Hamzah bin Abdul Hashim @ Md.Hashim) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Usul.

Ahli Kawasan Permatangan Berangan (YB. Mohd Sobri bin Saleh) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Usul.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Mohamad Shukor bin Zakariah) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Usul.

Dewan ditangguhkan pada jam 3.40 petang.

MINIT PERSIDANGAN

MESYUARAT KEDUA PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KELIMA BELAS

Tarikh : 22 NOVEMBER 2024 (RABU)

Masa : 9.30 Pagi

**Tempat : Dewan Persidangan
Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.**

HADIR

BIL	NAMA	JAWATAN / KAWASAN
1	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
2	Y.A.B. Chow Kon Yeow	Ketua Menteri / Padang Kota
3	YB. Prof. Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid	Timbalan Ketua Menteri I / Batu Maung
4	YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh	Timbalan Ketua Menteri II / Datok Keramat
5	YB. Rashidi bin Zinol	Sungai Acheh
6	YB. Zairil Khir Johari	Tanjong Bunga
7	YB. Wong Hon Wai	Paya Terubong
8	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
9	YB. H'ng Mooi Lye	Jawi
10	YB. Daniel Gooi Zi Sen	Padang Lalang
11	YB. Dato' Seri Sundarajoo a/l Somu	Perai
12	YB. Fahmi bin Zainol	Pantai Jerejak
13	YB. Dato'Azrul Mahathir bin Aziz	Timbalan YDP DUN / Bayan Lepas
14	YB. Lim Guan Eng	Air Putih
15	YB. Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican	Bertam
16	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
17	YB. Goh Choon Aik	Bukit Tambun
18	YB. Kumaresan a/l Aramugam	Batu Uban

BIL	NAMA	JAWATAN / KAWASAN
19	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
20	YB. Heng Lee Lee	Berapit
21	YB. Gooi Hsiao-Leung	Bukit Tengah
22	YB. Ong Ah Teong	Batu Lancang
23	YB. Joseph Ng Soon Siang	Air Itam
24	YB. Wong Yuee Harng	Pengkalan Kota
25	YB. Chee Yeeh Keen	Bagan Jermal
26	YB. Connie Tan Hooi Peng	Seri Delima
27	YB. Joshua Woo Sze Zeng	Pulau Tikus
28	YB. Lee Boon Heng	Kebun Bunga
29	YB. Kumaran a/l Krishnan	Bagan Dalam
30	YB. Phee Syn Tze	Sungai Puyu
31	YB. Muhamad Fauzi bin Yusoff	Sungai Dua
32	YB. Zulkifli bin Bakar	Penanti
33	YB. Mohd. Yusni bin Mat Piah	Penaga
34	YB. Bukhori bin Ghazali	Pinang Tunggal
35	YB. Azmi bin Alang	Telok Ayer Tawar
36	YB. Amir Hamzah bin Abdul Hashim @ Md Hashim	Permatang Pasir
37	YB. Izhar Shah bin Datuk Arif Shah	Seberang Jaya
38	YB. Mohd. Sobri bin Saleh	Permatangan Berangan
39	YB. Kol. (B) Muhamad bin Kasim	Telok Bahang
40	YB. Nor Zamri bin Latiff	Sungai Bakap
41	YB. Haji Mohamad Shukor bin Zakariah	Pulau Betong

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

Bil.	Nama	Jawatan
1	YB. Dato' Haji Rosli bin Isa	Setiausaha Kerajaan Negeri
2	YB. Dato' Roslinda binti Mohd Shafie	Penasihat Undang–Undang Negeri
3	YB. Dato' Zabidah binti Safar	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Puan Hasma binti Hashim - Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Encik Meor Hamzah bin Abdullah Sani - Timbalan Setiausaha
Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi.

1. BACAAN DOA

2. SOALAN LISAN

Ahli Kawasan Sungai Bakap (YB. Nor Zamri bin Latiff) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Jelaskan kronologi krisis air yang berlaku di Mukim 5 Sungai Bakap sehingga menyebabkan penduduk terkesan semenjak tahun 2019.
- (a) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah ini?
 - (b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri hendak bertanggungjawab terhadap rakyat yang terpaksa menanggung bil air walhal air tiada?.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhammad Fauzi bin Yusoff) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Dengan harga rumah di Pulau Pinang kedua tertinggi di Asia Tenggara dan harga median harta tanah yang sepatutnya RM234,072 tetapi berada pada harga RM330,000 ketika ini, bagaimanakah Kerajaan Negeri hendak membantu rakyat Pulau Pinang mempunyai rumah sendiri?.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Moh. Yusni bin Mat Piah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Apakah pendirian Kerajaan Negeri terhadap isu terkini Palestin diserang oleh Israel?
- (a) Berapakah hasil sumbangan rakyat Pulau Pinang yang terkumpul untuk disalurkan bagi membantu rakyat Palestin?
 - (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam memahamkan rakyat Pulau Pinang berkaitan isu kemanusiaan dan penindasan terhadap penduduk Palestin ini?

Ahli Kawasan Permatangan Berangan (YB. Mohd. Sobri bin Saleh) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Nyatakan berapakah jumlah wang kutipan dan agihan Zakat Pulau Pinang dan juga bilangan asnaf yang diagih di DUN Permatang Berangan mengikut skim yang diberikan dari tahun 2018 sehingga sekarang.
- (a) Apakah usaha kerajaan dalam menontoh kemiskinan tegar terutamanya melalui Zakat Pulau Pinang?

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Bukhori bin Ghazali) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Apakah status pelarian Rohingya di Pulau Pinang?
- (a) Senaraikan agensi yang terlibat dalam pemantauan berkaitan kelahiran, pergerakan dan hal ehwal golongan ini.
 - (b) Mengapakah golongan Rohingya ini begitu bebas sehingga boleh membuka perniagaan di negeri ini?
 - (c) Adakah ada usaha memantau mereka?.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Nyatakan data mengenai kunjungan pelancong ke Pulau Pinang pada separuh pertama tahun 2023 mengikut negara atau rantau.
- (a) Adakah terdapat peningkatan atau penurunan berbanding tahun sebelum 2022?

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Kumaran a/l Krishnan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Adakah benar Pulau Pinang tidak mempunyai bekalan air mentah yang mencukupi?
- (a) Adakah Kerajaan Negeri telah memastikan semua bekalan air mentah dalam negeri telah dioptimakan penggunaannya?
- (b) Bolehkah konsep 'Guillemard Reservoir' diperluaskan di negeri kita untuk mengurangkan kebergantungan kita kepada negeri lain untuk bekalan air mentah?

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Huraikan semua Jalan Persekutuan bawah seliaan KKR di Pulau Pinang.
- (a) Huraikan status pembinaan Jambatan Nibong Tebal dan penaiktarafan FT001 dalam SPS.
- (b) Apakah tindakan untuk menangani kesesakan lalu lintas FT006 dari Masjid Sungai Batu ke SJKC Yang Cheng?
- (c) Huraikan penyelenggaraan jejantas-jejantas pejalan kaki yang merentangi Jalan-jalan Persekutuan..

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Kerajaan digital.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersedia untuk abad ke-21?
- (b) Bagaimanakah kerajaan dapat memanfaatkan kuasa teknologi untuk merevolusikan cara kerajaan berkhidmat kepada rakyat?
- (c) Apakah yang diperlukan oleh negeri Pulau Pinang untuk membangun dengan berjaya dan cemerlang di masa akan datang?

3. TAMAT SOALAN LISAN

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri memaklumkan 1 jam 30 minit soalan lisan sudah tamat selaras dengan Subperaturan 26(7) dan semua jawapan yang telah dijawab akan diletakkan di atas meja ahli yang bertanya dan akan dimasukkan di dalam Penyata Rasmi.

4. SESI PENGGULUNGAN ATAS UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Wong Hon Wai) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Fahmi bin Zainol) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Ahli Kawasan Perai (YB. Dato' Seri Sundarajoo a/l Somu) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Gooi Zi Sen) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Dewan ditangguhkan pada jam 5.15 petang.

MINIT PERSIDANGAN

MESYUARAT KEDUA PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KELIMA BELAS

Tarikh : 23 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

Masa : 9.30 Pagi

**Tempat : Dewan Persidangan
Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.**

HADIR

BIL	NAMA	JAWATAN / KAWASAN
1	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
2	Y.A.B. Chow Kon Yeow	Ketua Menteri / Padang Kota
3	YB. Prof. Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid	Timbalan Ketua Menteri I / Batu Maung
4	YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh	Timbalan Ketua Menteri II / Datok Keramat
5	YB. Rashidi bin Zinol	Sungai Acheh
6	YB. Zairil Khir Johari	Tanjong Bunga
7	YB. Wong Hon Wai	Paya Terubong
8	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
9	YB. H'ng Mooi Lye	Jawi
10	YB. Daniel Gooi Zi Sen	Padang Lalang
11	YB. Dato' Seri Sundarajoo a/l Somu	Perai
12	YB. Fahmi bin Zainol	Pantai Jerejak
13	YB. Dato'Azrul Mahathir bin Aziz	Timbalan YDP DUN / Bayan Lepas
14	YB. Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican	Bertam
15	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
16	YB. Goh Choon Aik	Bukit Tambun
17	YB. Kumaresan a/l Aramugam	Batu Uban
18	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
19	YB. Heng Lee Lee	Berapit

BIL	NAMA	JAWATAN / KAWASAN
20	YB. Gooi Hsiao-Leung	Bukit Tengah
21	YB. Ong Ah Teong	Batu Lancang
22	YB. Joseph Ng Soon Siang	Air Itam
23	YB. Wong Yuee Harng	Pengkalan Kota
24	YB. Chee Yeeh Keen	Bagan Jermal
25	YB. Connie Tan Hooi Peng	Seri Delima
26	YB. Joshua Woo Sze Zeng	Pulau Tikus
27	YB. Lee Boon Heng	Kebun Bunga
28	YB. Kumaran a/l Krishnan	Bagan Dalam
29	YB. Phee Syn Tze	Sungai Puyu
30	YB. Muhamad Fauzi bin Yusoff	Sungai Dua
31	YB. Zulkefli bin Bakar	Penanti
32	YB. Mohd. Yusni bin Mat Piah	Penaga
33	YB. Bukhori bin Ghazali	Pinang Tunggal
34	YB. Azmi bin Alang	Telok Ayer Tawar
35	YB. Amir Hamzah bin Abdul Hashim @ Md Hashim	Permatang Pasir
36	YB. Izhar Shah bin Datuk Arif Shah	Seberang Jaya
37	YB. Mohd. Sobri bin Saleh	Permatangan Berangan
38	YB. Kol. (B) Muhamad bin Kasim	Telok Bahang
39	YB. Nor Zamri bin Latiff	Sungai Bakap
40	YB. Haji Mohamad Shukor bin Zakariah	Pulau Betong

TIDAKHADIR

Bil.	Nama	Jawatan
1	YB. Lim Guan Eng	Air Putih

**AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A
PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.**

Bil.	Nama	Jawatan
1	YB. Dato' Haji Rosli bin Isa	Setiausaha Kerajaan Negeri
2	YB. Dato' Roslinda binti Mohd Shafie	Penasihat Undang–Undang Negeri
3	YB. Dato' Zabidah binti Safar	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Puan Hasma binti Hashim - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Encik Meor Hamzah bin Abdullah Sani - Timbalan Setiausaha
Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi.

1. BACAAN DOA

2. SOALAN LISAN

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Muhamad bin Kasim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Faktor utama berlakunya kejadian banjir kilat yang berpanjangan di kawasan Telok Bahang adalah disebabkan ketidak sempurnaan infrastruktur dan sistem saliran yang kecil serta kerap tersumbat. Adakah pihak kerajaan mempunyai sebarang perancangan atau pelan jangka pendek dan panjang bagi mengatasi masalah tersebut?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tan Hooi Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Isu *brain drain* semakin serius di negara kita, apakah strategi yang akan digunakan oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan supaya bakat kita akan bertetap di Pulau Pinang?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Wong Yee Harng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

31. Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk menarik bakat bagi industri di negeri Pulau Pinang?
(a) Apakah status permintaan dan bekalan bakat yang mahir pada tahun 2023?
(b) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pendidikan TVET & STEM?.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan a/l Aramugam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

32. Penang Science, Technology, Engineering, Mathematics (STEM) ialah sebuah organisasi utama yang dimulakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menghimpunkan lima (5) organisasi pembelajaran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) yang disokong oleh Kerajaan Negeri di bawah ekosistem sinergi yang menawarkan rangkaian penuh program dan aktiviti berkaitan STEM bagi melengkapkan sistem pendidikan formal yang bertujuan mencetuskan minat terhadap STEM. Ia juga membantu merancang segala inisiatif, program utama dan aktiviti baharu yang memerlukan penajaan. Pada masa ini, Penang STEM sedang berusaha menghasilkan bakat dalam bidang STEM/Technical & Vocational Education & Training (TVET) di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

33. Apakah usaha yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah bandaraya pintar (*smart city*)?
(a) Nyatakan peruntukan yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri dalam usaha menjadikan Pulau Pinang sebagai '*smart city*'.

Ali Kawasan Kebun Bunga (YB. Lee Boon Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

34. Pemulihan ekonomi Pulau Pinang selepas 'post-pandemic'.
 - (a) Industri apakah yang menjadi penyumbang besar terhadap KDNK negeri Pulau Pinang?
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri akan teruskan usaha atau pakej rangsangan ekonomi yang diwujudkan sebelum ini? Jika ya, perincikan..

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Azmi bin Alang) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

35. Perjanjian Kerajaan Negeri dengan pemaju Rayston Consortium Sdn. Bhd. bagi pelaksanaan projek di pesisir pantai Bagan Ajam.
 - (a) Apakah status terkini berhubung perjanjian tersebut?
 - (b) Apakah manfaat yang diterima oleh Kerajaan Negeri dan penduduk setempat terutama para nelayan yang berisiko terjejas pendapatan mereka?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Syn Tze) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

36. Apakah dasar-dasar dan langkah yang akan dilaksanakan Kerajaan Negeri bagi membantu warga emas dan golongan miskin menghadapi cabaran e-kerajaan dan e-ekonomi? Contohnya penggunaan telefon pintar untuk membuat bayaran, jika orang tua yang tidak tahu guna alatan elektronik seperti ini dan tidak berkemampuan, pasti akan ketinggalan..

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

37. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan rakyat Pulau Pinang dapat memiliki kediaman sendiri?
 - (a) Nyatakan statistik senarai menunggu permohonan RMM mengikut kategori.

3. TAMAT SOALAN LISAN

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri memaklumkan 1 jam 30 minit soalan lisan sudah tamat selaras dengan Subperaturan 26(7) dan semua jawapan yang telah dijawab akan diletakkan di atas meja ahli yang bertanya dan akan dimasukkan di dalam Penyata Rasmi.

4. SESI PENGGULUNGAN ATAS UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Dewan ditangguhkan pada jam 12.30 tengah hari.

Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Roshidi bin Zinol) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

YB. Timbalan Ketua Menteri II mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

YB. Timbalan Ketua Menteri I mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Y.A.B. Ketua Menteri mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Dewan ditangguhkan pada jam 5.05 petang.

MINIT PERSIDANGAN

MESYUARAT KEDUA PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KELIMA BELAS

Tarikh : 24 NOVEMBER 2023 (JUMAAT)

Masa : 9.30 Pagi

**Tempat : Dewan Persidangan
Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.**

HADIR

BIL	NAMA	JAWATAN / KAWASAN
1	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
2	Y.A.B. Chow Kon Yeow	Ketua Menteri / Padang Kota
3	YB. Prof. Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid	Timbalan Ketua Menteri I / Batu Maung
4	YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh	Timbalan Ketua Menteri II / Datok Keramat
5	YB. Rashidi bin Zinol	Sungai Acheh
6	YB. Zairil Khir Johari	Tanjong Bunga
7	YB. Wong Hon Wai	Paya Terubong
8	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
9	YB. H'ng Mooi Lye	Jawi
10	YB. Daniel Gooi Zi Sen	Padang Lalang
11	YB. Dato' Seri Sundarajoo a/l Somu	Perai
12	YB. Fahmi bin Zainol	Pantai Jerejak
13	YB. Dato'Azrul Mahathir bin Aziz	Timbalan YDP DUN / Bayan Lepas
14	YB. Lim Guan Eng	Air Putih
15	YB. Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican	Bertam
16	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
17	YB. Goh Choon Aik	Bukit Tambun
18	YB. Kumaresan a/l Aramugam	Batu Uban

BIL	NAMA	JAWATAN / KAWASAN
19	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
20	YB. Heng Lee Lee	Berapit
21	YB. Gooi Hsiao-Leung	Bukit Tengah
22	YB. Ong Ah Teong	Batu Lancang
23	YB. Joseph Ng Soon Siang	Air Itam
24	YB. Wong Yuee Harng	Pengkalan Kota
25	YB. Chee Yeeh Keen	Bagan Jermal
26	YB. Connie Tan Hooi Peng	Seri Delima
27	YB. Joshua Woo Sze Zeng	Pulau Tikus
28	YB. Lee Boon Heng	Kebun Bunga
29	YB. Kumaran a/l Krishnan	Bagan Dalam
30	YB. Phee Syn Tze	Sungai Puyu
31	YB. Muhamad Fauzi bin Yusoff	Sungai Dua
32	YB. Zulkefli bin Bakar	Penanti
33	YB. Mohd. Yusni bin Mat Piah	Penaga
34	YB. Bukhori bin Ghazali	Pinang Tunggal
35	YB. Azmi bin Alang	Telok Ayer Tawar
36	YB. Amir Hamzah bin Abdul Hashim @ Md Hashim	Permatang Pasir
37	YB. Izhar Shah bin Datuk Arif Shah	Seberang Jaya
38	YB. Mohd. Sobri bin Saleh	Permatangan Berangan
39	YB. Kol. (B) Muhamad bin Kasim	Telok Bahang
40	YB. Nor Zamri bin Latiff	Sungai Bakap
41	YB. Haji Mohamad Shukor bin Zakariah	Pulau Betong

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

Bil.	Nama	Jawatan
1	YB. Dato' Haji Rosli bin Isa	Setiausaha Kerajaan Negeri
2	YB. Dato' Roslinda binti Mohd Shafie	Penasihat Undang–Undang Negeri
3	YB. Dato' Zabidah binti Safar	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Puan Hasma binti Hashim - Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Encik Meor Hamzah bin Abdullah Sani - Timbalan Setiausaha
Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi.

1. **BACAAN DOA**
2. **USUL DARIPADA Y.A.B. KETUA MENTERI DIBAWAH PERATURAN 34(8),**
Y.A.B. Ketua Menteri telah mengusulkan di bawah Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang menyatakan solidariti untuk rakyat Palestin atas kekejaman dan kezaliman zionis Israel.
Usul telah mendapat sokongan oleh Ahli-ahli Dewan
Y.A.B. Ketua Menteri telah memberi ucapan dan mendapat sokongan Ahli-ahli Dewan.
3. **UCAPAN RANG UNDNG-UNDANG PERBEKALAN TAHUN 2024 DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN TAHUN 2024**

Saya berasa bersyukur atas peluang yang diberikan untuk terus memimpin negeri tercinta ini, dan sekali lagi membentangkan Belanjawan Negeri Pulau Pinang di Dewan yang mulia pada hari ini. Saya juga ingin menzhahirkan penghargaan kepada Tuan Yang Terutama Tun atas kepercayaan melantik saya semula sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang selaras dengan Perkara 7 (2) (a) Perlembagaan Negeri Pulau Pinang bersama-sama barisan kepimpinan baharu selepas Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang yang Ke-15.

Sesungguhnya, amanat dan kepercayaan yang diberikan oleh rakyat Pulau Pinang kepada pentadbiran ini sejak tahun 2008 akan terus dipikul dengan penuh tanggungjawab beraspirasikan **Visi Penang2030 – Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara** - demi kemakmuran bersama.

PERIHAL EKONOMI NEGERI

Pada tahun 2022, KDNK Negeri Pulau Pinang bukan sahaja berkembang melebihi pertumbuhan KDNK nasional, malah mengatasi KDNK negeri-negeri lain dalam negara. Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia atau MIDA melaporkan Ekonomi Pulau Pinang bertumbuh sebanyak 13.1 peratus pada tahun 2022 berbanding 6.9 peratus pada tahun sebelumnya dengan nilai KDNK sebanyak RM112.1 bilion. Seperti lazimnya, sektor pembuatan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang tertinggi dan mencatatkan peningkatan bagi tahun 2022 pada kadar 15.9 peratus berbanding tahun sebelumnya sebanyak 12.4 peratus.

Jumlah pelaburan ini didorong oleh pertumbuhan positif industri elektronik dan elektrik (E&E), jentera dan peralatan (M&E), saintifik dan perubatan serta peralatan industri yang menyumbang sebanyak 85 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan pembuatan yang diluluskan untuk negeri ini untuk tahun 2022 atau bersamaan 27 peratus daripada pelaburan Malaysia bagi sektor-sektor tersebut. Pulau Pinang terus berada pada landasan yang kukuh apabila berjaya menarik kemasukan pelaburan baharu berimpak tinggi sepanjang tahun lalu di sebalik ketidaktentuan ekonomi global.

Sektor perkhidmatan merekodkan peningkatan sebanyak RM5.3 bilion dengan jumlah RM52.4 bilion berbanding tahun 2021 sebanyak RM47.1 bilion, sekaligus mempamerkan pertumbuhan memberangsangkan pada kadar 11.3 peratus. Faktor-faktor yang mendorong perkembangan positif sektor ini adalah lonjakan

dalam subsektor perdagangan borong dan runcit, makanan dan minuman dan penginapan serta utiliti, pengangkutan, maklumat dan komunikasi. Seterusnya, aktiviti pelancongan turut memberikan sumbangan terbesar kepada sektor perkhidmatan apabila jumlah penumpang antarabangsa yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) meningkat seramai 629,476 orang pada tahun 2022 yang mana kebanyakan pelancong adalah dari negara Asia Tenggara. Jumlah tetamu hotel daripada pelancong asing pada tahun ini turut melonjak kepada seramai 5.58 juta orang berbanding 1.32 juta orang pada tahun 2021.

Sektor pembinaan juga meningkat pada kadar 7.9 peratus (2021: 12.9 peratus) dengan nilai ditambah berjumlah RM2.7 bilion (2021: RM2.5 bilion). Prestasi ini dipengaruhi oleh pertumbuhan nilai kerja binaan dalam subsektor pembinaan bangunan. Kerajaan Negeri juga telah menerima kelulusan peruntukan dana daripada Bank Dunia untuk melaksanakan projek seperti *Urban Greening* bagi pembinaan *pocket park*. Dana tersebut juga digunakan untuk projek *Storm Management* bagi pembinaan *blue-green corridors, upstream retention ponds* dan *infiltration wells*.

Seterusnya, prestasi sektor pertanian bertumbuh 3.4 peratus (2021: -2.3 peratus) dengan nilai ditambah RM2.1 bilion (2021: RM2 bilion). Pertumbuhan ini disokong oleh peningkatan dalam pengeluaran subsektor perikanan, terutamanya dalam aktiviti akuakultur. Bagi memastikan sektor ini kekal berdaya tahan, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) dikelolakan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk meningkatkan produktiviti hasil pengeluaran padi dan pendapatan pesawah. Dalam pada itu, sejumlah RM6.3 juta telah diperuntukan bagi tujuan membangunkan serta menaik taraf teknologi pertanian di Pulau Pinang melibatkan pelbagai projek.

Sektor perlombongan dan pengkuarian di Pulau Pinang memulih 7.9 peratus (2021: - 6.6 peratus) dengan nilai ditambah RM140.2 juta berbanding RM130 juta pada tahun 2021. Sektor ini menyumbang 0.1 peratus kepada KDNK Pulau Pinang. Prestasi tersebut didorong oleh peningkatan dalam aktiviti pengkuarian granit dan pemecahan batu. Selain itu, aktiviti pengkuarian pasir dan batu kapur juga menyumbang kepada prestasi keseluruhan sektor ini.

Dari segi perdagangan antarabangsa, Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama Malaysia. Sehingga September 2023, Pulau Pinang menyumbang 34.6 peratus daripada jumlah eksport negara dengan PIA menjadi saluran eksport terbesar di Malaysia.

Di samping itu, nisbah perdagangan kepada KDNK Pulau Pinang turut berkembang, menunjukkan keterbukaan negeri kepada perdagangan antarabangsa dan mendapat manfaat daripada ketegangan perdagangan Amerika Syarikat dan Republik China. Dari segi produk, jentera dan kelengkapan pengangkutan adalah antara produk pengeksport teratas. Ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh industri sederhana dan berteknologi tinggi seperti automasi, aeroangkasa serta perkhidmatan pembuatan elektronik.

STRATEGI KERAJAAN NEGERI

Secara inklusif, Visi Penang2030 sudah lima (5) tahun dilancarkan dan kini mencatatkan pencapaian sebanyak 47 peratus, yang mana telah merekodkan kejayaan pelaksanaan sebanyak 210 projek dan program sepanjang tempoh tersebut. Malah, selain memperjuangkan tadbir urus berintegriti, kebajikan rakyat, kelengkapan

infrastruktur dan pembentukan rantaian ekosistem yang sempurna, negeri ini terus memfokuskan kepada bidang teknologi pendigitalan dan inisiatif *smart city* yang berlandaskan kepada pembangunan modal insan dalam menjadikan negeri ini terus cemerlang dan gemilang dari segenap sudut.

Kerajaan Negeri kini bersedia dan sedang berusaha memperkasakan pembangunan serta pencapaian negeri Pulau Pinang menerusi lapan (8) bidang keutamaan yang bakal diberikan perhatian untuk tempoh lima (5) tahun akan datang, iaitu:

- (i) peluang pekerjaan;
- (ii) pembangunan jaringan ekosistem;
- (iii) ketersambungan jaringan pengangkutan dan penambahbaikan aliran trafik;
- (iv) strategi mengatasi isu perubahan iklim;
- (v) pembekalan air;
- (vi) pembangunan komuniti termasuk belia, wanita serta warga emas;
- (vii) peralihan tenaga boleh baharu (TBB) atau '*energy transition*'; dan
- (viii) sumber pendapatan baharu.

Seajar dengan gelaran Lembah Silikon Timur atau '*Silicon Valley of the East*', Kerajaan Negeri akan terus memperhebatkan ekosistem khususnya dalam sektor pembuatan elektronik dan elektrik (E&E), *Integrated Circuit (IC) Design*, teknologi perubatan, *Digital District* dan ekonomi baharu. Kerancakkan sektor ini akan terus diperhebatkan dengan projek '*Silicon Island*', *Penang South Island (PSI)* yang akan memainkan peranan penting dalam perkembangan sektor E&E di negeri ini dan terus diperkuuhkan dengan pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) dengan memfokuskan projek Transit Aliran Ringan (LRT) Bayan Lepas dengan menambah baik aliran trafik melalui inisiatif- inisiatif mobiliti pengangkutan awam di negeri ini. Kerajaan Negeri juga menyahut seruan dan harapan Tuan Yang Terutama Tun untuk berusaha dalam mendapatkan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan bagi pembinaan sebuah Lebuh Raya Bertingkat atau Juru – Sungai Dua Expressway.

Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri komited untuk menyediakan kemudahan dan infrastruktur yang terbaik selari dengan kepesatan pembangunan yang berterusan di negeri yang tercinta ini. Kerajaan Negeri juga akan terus berusaha keras bagi mencari alternatif lain agar infrastruktur yang akan dibina adalah yang terbaik dan usaha ini dilakukan secara berterusan dan berperingkat demi menjamin keselamatan dan keselesaan rakyat Negeri Pulau Pinang.

Selanjutnya, Kerajaan Negeri akan terus mengambil pendekatan proaktif dalam mengatasi isu perubahan iklim menerusi projek-projek tebatan banjir, projek bandar rendah karbon dan penyediaan kemudahan seperti stesen pengecasan kenderaan elektrik (EV) serta pelaksanaan Pelan Kontingensi Air 2030 menerusi Projek Air Perak dan Pulau Pinang.

Pada 12 Jun 2023, Kerajaan Negeri telah melancarkan '*Penang Strategy for Economic Ecosystem Development*' atau '*Penang SEED*' iaitu sebuah garis panduan dalam perancangan pembangunan ekonomi dalam tempoh lima (5) tahun yang menyasarkan pencapaian dinamik, kesaksamaan, prospek kerjaya berkualiti dan pengekalan kesejahteraan selaras dengan gagasan Visi Penang2030.

Menerusi '*Penang SEED*' juga, jangkaan pertumbuhan trajektori semasa iaitu sebanyak 3.5 peratus bakal dikekalkan pada setiap tahun dari tempoh tahun 2023 sehingga tahun 2028. Malah, garis panduan ini turut menjangkakan pencapaian pertumbuhan tahunan sehingga 5.8 peratus dengan menarik lebih RM10 bilion pelaburan pembuatan

dengan pasaran pekerjaan dianggarkan berkembang sebanyak 1.4 peratus dalam tempoh yang sama.

Kejayaan pembangunan dan pemulihan ekonomi yang dicapai sehingga kini adalah hasil usaha bersama Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan yang sentiasa berganding bahu demi memastikan pelaksanaan projek atau program yang memberikan manfaat kepada rakyat. Penyediaan peruntukan kepada inisiatif berimpak tinggi juga merupakan salah satu strategi dalam merangsang pertumbuhan ekonomi. Saya ingin menekankan bahawa hala tuju Kerajaan Negeri melalui Visi Penang2030 adalah selari dengan hasrat yang diketengahkan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Momentum kerjasama yang baik ini dengan berpaksikan hala tuju yang sama membolehkan agenda pembangunan negeri dan negara dapat dijayakan dengan seoptimum mungkin. Di kesempatan ini, saya mewakili Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan atas kerjasama yang telah diberikan dan diharapkan agar hubungan ini berkekalan dan dapat dieratkan lagi pada masa hadapan.

Umumnya, sesi libat urus bersama-sama pemegang taruh telah menjadi agenda penting dalam penyediaan Belanjawan Tahunan Negeri untuk mendapatkan input daripada YB Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan YB Ahli Parlimen untuk penyediaan anggaran perbelanjaan tahunan yang komprehensif. Sesi Libat Urus pada kali ini telah diadakan pada 10 Oktober 2023 telah mengumpulkan input berkaitan dan beberapa cadangan projek telah dimasukkan dalam Bajet Pembangunan Tahun 2024. Antara projek yang telah dimasukkan adalah seperti pembinaan menara penyelamat Angkatan Pertahanan Awam (APM), Pantai Golden Sands; kerja- kerja menaik taraf jeti pendaratan di Sungai Chenaam, Nibong Tebal dan pembinaan dewan di Batu Maung (Daerah Barat Daya) iaitu Dewan Kampung Baru Alma serta Dewan Taman Senangin yang menjadi projek sambungan pada tahun 2024. Kerajaan Negeri akan terus meneliti cadangan projek yang dikemukakan melalui Sesi Libat Urus tersebut dan akan memberikan pertimbangan berdasarkan kedudukan kewangan negeri.

PERDAGANGAN, INDUSTRI DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN

Pulau Pinang mencatatkan pelaburan pembuatan yang diluluskan berjumlah RM4.3 bilion bagi tempoh Januari hingga Jun 2023. Nilai pelaburan ini diperoleh daripada 67 projek yang dicatatkan oleh MIDA dan dianggarkan akan mewujudkan sebanyak 4,738 peluang pekerjaan baharu. FDI menyumbang sebanyak 66 peratus atau RM2.8 bilion, manakala DDI menyumbang 34 peratus atau RM1.4 bilion pelaburan pembuatan yang diluluskan pada tempoh tersebut.

Bagi memastikan semua projek pelaburan dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur, *InvestPenang* senantiasa menawarkan perkhidmatan “*hand holding*” kepada para pelabur, sama ada di peringkat permulaan, peringkat operasi maupun di peringkat pengembangan perniagaan.

Para pelabur baru yang ingin beroperasi di Pulau Pinang akan diberi sokongan khidmat nasihat untuk memudahkan mereka menubuhkan syarikat perniagaan, mendapatkan lesen-lesen yang berkaitan, membina atau menyewa bangunan kilang yang baharu dan memulakan operasi pengilangan. Ini adalah untuk memastikan kesenangan menjalankan perniagaan (*ease of doing business*) di Pulau Pinang kekal tinggi berbanding negara lain.

Pada penghujung tahun 2022 dan awal tahun 2023, Pulau Pinang melalui *InvestPenang* telah melaksanakan misi-misi pelaburan ke negara-negara bersasar seperti Singapura, Korea Selatan dan beberapa buah negara di Eropah bertujuan memastikan Pulau Pinang senantiasa aktif dan kekal dinamik dalam radar pelaburan asing. Di samping

itu, kerjasama dan sinergi dengan agensi-agensi kerajaan Persekutuan seperti MIDA dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDeC), pihak berkepentingan (*stakeholders*), swasta serta hubungan baik dengan syarikat-syarikat antarabangsa sedia ada di Pulau Pinang terus diperkuuhkan demi menjamin keberlangsungan aktiviti pelaburan di Pulau Pinang.

Seterusnya, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) kini dalam usaha untuk mempercepatkan pembangunan taman-taman perindustrian baharu seperti Taman Teknologi Bandar Cassia (*Bandar Cassia Technology Park*), Taman Perindustrian Batu Kawan 2 (*Batu Kawan Industrial Park 2*) dan Batu Kawan Timur (*East Batu Kawan*) demi memastikan Pulau Pinang mempunyai tanah perindustrian yang mencukupi bagi menampung permintaan para pelabur. Taman Teknologi Bandar Cassia bakal menawarkan sebanyak 250 ekar tanah perindustrian baharu dan para pelabur dijangka dapat memulakan projek pembinaan kilang mereka di taman perindustrian tersebut dari tahun 2023 hingga 2025.

Selain daripada terus mengembangkan aktiviti elektronik dan elektrik (E&E) sedia ada, Kerajaan Negeri akan turut memberi fokus dalam menjadikan negeri ini sebagai sebuah hab teknologi perubatan (*medical technology*) untuk rantau Asia Pasifik (APAC). Hasrat ini dapat dijayakan dengan membangunkan rantaian bekalan (*supply chain*) untuk peralatan pembuatan bahagian hadapan (*front-end manufacturing equipment*) dan terus menggalakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan *design & development* (D&D) di Pulau Pinang.

Pulau Pinang cukup bertuah dengan berpeluang menganjurkan Persidangan SEMICON Southeast Asia (SEA) 2023 yang merupakan salah satu persidangan paling besar bagi industri semikonduktor dan elektronik di Asia Tenggara dari 23 hingga 25 Mei 2023. Persidangan ini merupakan usaha kolaboratif bersama dengan rakan-rakan strategik seperti Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dan MIDA. Antara agenda yang dibincangkan adalah kemampanan, pembuatan pintar, mobiliti pintar, medtech pintar dan pembangunan tenaga kerja. Persidangan yang bertemakan "*Boosting Agility and Resiliency for the Electronics Supply Chain*" berkaitan telah berjaya menghimpunkan peneraju-peneraju industri dalam membincangkan dan meneroka kaedah terbaik bagi pemain industri elektronik untuk membina rantaian bekalan yang lebih teguh di masa akan datang. Persidangan ini telah dilaksanakan dengan jayanya melalui penyertaan sebanyak 571 reruai atau *booth* pameran dan telah dihadiri seramai 19,000 pelawat dari dalam dan luar negara.

INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS)

Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui *InvestPenang* dan PDC sentiasa meneruskan inisiatif-inisiatif bagi menyokong pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Pulau Pinang. Antara usaha-usaha yang dilaksanakan adalah mewujudkan Pusat Penasihat Pasaran, Sumber dan Latihan IKS (*SME Market Advisory, Resource & Training - S.M.A.R.T Centre*) dan Pusat IKS (*SME Centre*) dengan kadar sewa subsidi kepada para usahawan IKS tempatan. S.M.A.R.T Centre memberikan khidmat nasihat mengenai maklumat-maklumat yang diperlukan untuk memulakan perniagaan, urusan berkaitan permohonan lesen perniagaan, pendaftaran syarikat, insentif-insentif sedia ada dan sebagainya kepada para IKS. Sejak penubuhannya pada tahun 2010, pusat ini telah berjaya memberikan khidmat nasihat kepada 2,600 kes atau syarikat daripada pelbagai sektor industri.

Para usahawan IKS yang ingin meningkatkan peluang mendapat peluang perniagaan daripada pelabur asing boleh menyenaraikan profil syarikat mereka dalam direktori atas talian yang terdapat dalam sesawang *InvestPenang* secara percuma. Syarikat tempatan yang

berdaftar dalam direktori tersebut akan diberi keutamaan sekiranya pihak *InvestPenang* menerima sebarang pertanyaan mengenai perkhidmatan tempatan. Sehingga kini, sebanyak 610 syarikat telah berdaftar dalam direktori ini.

Pusat IKS Pulau Pinang juga telah dibangunkan di kawasan Perindustrian Bayan Lepas yang bermatlamat untuk membantu usahawan-usahawan baharu dan sedia ada bagi mengurangkan kos operasi dengan menyediakan ruang operasi dengan kadar sewa bersubsidi, yang mana kemudahan disediakan merangkumi bilik mesyuarat, bilik pantri, lif, lif kargo, ruang utiliti, pengawal dan kamera pengawasan.

MENGGALAKKAN SEKTOR ‘START-UP’ NEGERI

Kerajaan Negeri melalui *InvestPenang* juga telah menyediakan peruntukan khas bagi membantu syarikat-syarikat pemula atau ‘start-up’ dengan menawarkan bantuan kewangan. Pada awal tahun 2018, Kerajaan Negeri telah melancarkan ‘*Penang i4.0 Seed Fund*’ untuk membangun projek-projek ‘start-up’ yang berpotensi tinggi khasnya yang terlibat dalam industri digital, e-commerce dan IoT. Program ini menyediakan dana permulaan daripada RM50,000 sehingga RM250,000 untuk setiap projek.

Sehingga kini, sebanyak RM5 juta ‘*Seed Fund*’ telah dianugerahkan kepada 49 buah ‘start-up’ tempatan yang memiliki produk dengan teknologi inovatif dan perkhidmatan. Selain itu, pelbagai program telah dianjurkan khusus untuk penerima dana seperti program bimbingan serta latihan dari mentor berpengalaman, akses ke rangkaian industri, peluang pemandanan dengan pelabur berpotensi dan sebagainya.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN, PENDIDIKAN DAN SAINS DAN TEKNOLOGI

Pembangunan modal insan merupakan faktor kritikal bagi menjana dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara. Peralihan sektor ekonomi kepada pengetahuan, teknologi dan aktiviti berintensif inovasi memerlukan sumber tenaga kerja berkemahiran tinggi yang sedia ada. Menuju ke arah ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah merangka dasar dan hala tuju yang lebih holistik supaya Pulau Pinang dapat mencapai kelebihan daya saing dalam menarik dan mengekalkan bakat-bakat muda.

Umum mengetahui, Pulau Pinang dikenali sebagai Lembah Silikon Timur dengan mempelopori industri E&E dan pembuatan. Bagi meneruskan kesinambungan ekosistem ini, Pulau Pinang memerlukan lebih ramai bakat-bakat teknikal yang terlatih untuk menyokong industri sedia ada di negeri ini, di samping menarik lebih banyak FDI baharu. Selain itu, banyak syarikat multinasional (MNC) di Pulau Pinang memfokuskan kepada matlamat yang sama iaitu ke arah memperkasakan kepelbagaian, kesaksamaan dan keterangkuman (DEI) dalam tenaga kerja mereka. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui Pusat STEM seperti *Penang Science Cluster* antaranya telah melancarkan program *Girls in Engineering & Technology* (GET) untuk menggalakkan pelajar-pelajar perempuan sekolah menengah atas untuk menceburi pengajian dan kerjaya dalam bidang teknikal dan kejuruteraan. Saban tahun, seramai 150 hingga 200 pelajar perempuan dari Pulau Pinang akan menyertai Program GET menerusi latihan selama sembilan (9) bulan melalui tajaan dan sokongan daripada 15 syarikat yang terlibat yang secara tidak langsung memupuk minat, khususnya dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dalam kalangan mereka.

Sejak penubuhan *Tech Dome Penang* pada tahun 2016, selain bengkel-bengkel STEM melibatkan sekolah-sekolah di Pulau Pinang dan seluruh Semenanjung Malaysia. Pihak berkaitan pada tahun lalu juga telah menyelaras penyertaan peserta dari Pulau Pinang ke pertandingan *Techlympics* yang dianjurkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan

Inovasi (MOSTI) dan kontingen Pulau Pinang telah memenangi Anugerah Kontingen Terbaik di Malaysia. Susulan daripada itu, pihak tersebut juga telah menghantar dua (2) pasukan bagi mewakili negara ke Pertandingan Codeavour 2022, dan berjaya memenangi Anugerah *Best AI (Artificial Intelligence) & ML (Machine Learning) Project Award* bagi projek *The Trash-bot* dan turut memenangi hadiah saguhati bagi projek *Balcony Farming*. Tahniah diucapkan.

Pusat Bantuan Kerjaya dan Bakat Pulau Pinang (*Penang Career Assistance and Talent Centre*) atau lebih dikenali sebagai Penang CAT Centre terus memainkan peranannya untuk meningkatkan pertumbuhan modal insan di negeri ini. Dimensi dan peranan Penang CAT Centre terus berevolusi sejak dengan perkembangan dan situasi semasa yang mana pada masa kini, syarikat-syarikat berdepan dengan cabaran baharu iaitu untuk mengekalkan tenaga kerja sedia ada dalam organisasi mereka.

Penang CAT Centre juga terus memainkan peranannya sebagai sekretariat kepada program biasiswa, *Penang Future Foundation* (PFF). Program PFF merupakan satu inisiatif yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri untuk menarik dan mengekalkan bakat di Pulau Pinang. Sejak tahun penubuhannya iaitu pada tahun 2014 sehingga Disember 2022, PFF telah melahirkan seramai 700 pemegang biasiswa yang terdiri daripada pelajar-pelajar yang melanjutkan pengajian dalam bidang “*Science, Technology, Engineering, Mathematics and Accounting/Finance*” (STEMA).

Penang Skills Development Centre (PSDC) kekal memainkan peranannya sebagai sebuah institut latihan terulung di Pulau Pinang. Tumpuan PSDC adalah untuk membolehkan industri tempatan mendapat tenaga kerja yang sesuai. Oleh yang demikian, PSDC menawarkan pelbagai kursus jangka pendek dan panjang serta seminar dalam bidang teknikal, *soft skills* dan IT bagi mewujudkan pasaran tenaga kerja yang berkualiti dan berkemahiran tinggi.

Serentak itu, usaha-usaha tambahan bagi meningkatkan pertumbuhan sumber manusia juga adalah melalui kempen *My Penang, My Workplace* yang bertujuan untuk menarik bakat-bakat daripada seluruh negara bagi memilih Pulau Pinang sebagai destinasi kerjaya mereka. Di bawah kempen ini, *Penang Internship Subsidy Programme* (PISP) telah diperkenalkan yang membantu dalam memberi bantuan subsidi kepada syarikat-syarikat tempatan bagi membuka peluang latihan industri dan seterusnya menarik bakat-bakat baharu untuk mendapatkan pengalaman bekerja di syarikat mereka.

Pada tahun 2022, sebanyak 15 syarikat telah dianugerahkan dengan subsidi PISP dengan seramai 285 pelatih telah menerima manfaat daripada program ini. Rentetan daripada sambutan yang menggalakkan ini, sebanyak RM1 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri bagi menyambung program ini sepanjang tahun 2023 dengan menyasarkan seramai 416 pelatih.

Sebagai tambahan, bagi merevolusikan persekitaran pembelajaran digital, Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan Program Perpustakaan Digital dengan melengkapkan kemudahan jalur lebar 5G di 88 sekolah di negeri ini. Program berkenaan telah dijayakan dengan jalinan kerjasama dan usaha kolaboratif antara pelbagai pihak melibatkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pihak industri bagi mencipta sebuah landasan serta peluang pembelajaran yang baharu ke arah transformasi digital dalam pendidikan. Perpustakaan Digital akan terus menjadi sebuah platform terbaik dalam menempatkan kandungan-kandungan pembelajaran secara digital di samping memberi nilai tambah kepada perkembangan dunia pendidikan pada masa kini.

EKONOMI DIGITAL DAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR TELEKOMUNIKASI

Pulau Pinang terus komited dalam menerajui industri ekonomi digital sebagai pemacu baharu ekonomi negeri ini. Ini adalah selaras dengan kedudukan Malaysia sebagai hab pelaburan teknologi digital strategik yang mana Malaysia menyasarkan sektor pelaburan ekonomi digital bakal menyumbang 25.5 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan mewujudkan lebih 500,000 pekerjaan menjelang 2025 serta sebanyak RM130 bilion pelaburan turut disasarkan menjelang tahun tersebut.

Selain memberi tumpuan kepada sektor perkhidmatan perkongsian dan sumber luaran dan ‘research & development’ (R&D) dan ‘embedded software’, Pulau Pinang juga komited untuk menerajui industri ekonomi teknologi generasi baharu seperti teknologi kecerdasan buatan (AI), ‘big data’, IoT, ‘Integrated Circuit (IC) Design’, ‘Agro/Food Tech’, ‘data centre’ dan sebagainya. Sehingga kini, terdapat lebih 200 syarikat dari Pulau Pinang memperoleh pengiktirafan ‘Malaysia Digital’ atau dahulu dikenali sebagai *Multimedia Super Corridor Malaysia* (MSC Malaysia) dan telah mewujudkan lebih 17,000 pekerjaan bernilai tinggi. Pulau Pinang merupakan negeri kedua tertinggi selepas Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang mendapat tumpuan dalam kalangan syarikat berteraskan kepada ekonomi digital.

Kerajaan Negeri dalam pada itu juga akan terus menumpukan usaha pada masa hadapan dengan memberi tumpuan untuk membina ekonomi digital negeri melalui pelbagai inisiatif yang lebih baik termasuk melahirkan lebih ramai bakat dan tenaga kerja digital yang berdaya saing, infrastruktur serba lengkap dalam memastikan negeri ini terus kekal sebagai hab pelaburan digital bertaraf dunia.

Lazimnya, Pulau Pinang kini mengorak langkah ke arah pembentukan negeri pintar bertaraf antarabangsa menjelang tahun 2030 selaras dengan gagasan Visi Penang2030. Status negeri atau bandar pintar amat penting dan memainkan peranan utama dalam menambah baik pertumbuhan ekonomi melalui kuasa teknologi. Penerapan konsep teknologi pintar ini dapat memudahkan kehidupan seharian serta meningkatkan kualiti hidup rakyat Pulau Pinang. Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) berperanan penting dalam memastikan hala tuju berkaitan melalui penterjemahan dasar-dasar di peringkat global, nasional dan negeri kepada pelan tindakan jangka panjang serta pelaksanaan inisiatif-inisiatif pintar di peringkat tempatan.

Antara sejumlah 113 inisiatif pintar yang bertujuan untuk mencapai matlamat tersebut, Kerajaan Negeri telah berjaya melaksanakan 51 inisiatif, manakala 38 inisiatif sedang dilaksanakan dan 24 lagi inisiatif masih dalam perancangan. Salah satu inisiatif pintar dikenali sebagai inisiatif tanpa tunai atau e-pembayaran. Jumlah kutipan yang diperoleh melalui platform e-pembayaran di kesemua 56 pasar awam di Pulau Pinang adalah sebanyak 4.1 juta transaksi bernilai RM39.771 juta. Pada masa sama, seluruh 23 jabatan dan agensi kerajaan terlibat dalam pelaksanaan inisiatif ini. Antara 1 Januari dan 30 September 2023, sebanyak 5.8 juta transaksi iaitu 92.25 peratus daripada jumlah bilangan transaksi keseluruhan, manakala jumlah kutipan hasil yang diperoleh pula adalah sebanyak RM 684.3 juta iaitu 57.37 peratus daripada keseluruhan jumlah kutipan hasil.

Inisiatif lain adalah pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) yang mana sebanyak 1,217 unit CCTV telah dipasang oleh kedua-dua PBT iaitu 1,019 CCTV di kawasan pulau dan 198 CCTV di Seberang Perai. Tambahan pula, aplikasi *Penang Smart Parking* (PSP) telah digunakan secara meluas oleh warga Pulau Pinang sejak ia dilancarkan secara perintis pada tahun 2019 dengan jumlah muat turun setakat 22 Oktober 2023 adalah sebanyak 1.2 juta dan aplikasi ini juga digunakan secara aktif oleh 262,728 pengguna. Setakat ini, PSP telah merekodkan jumlah kutipan tempat letak kereta sebanyak RM68.66 juta bagi kedua-dua

PBT dengan pecahan kutipan di Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sebanyak RM45.7 juta dan kutipan di Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) adalah berjumlah RM23 juta.

Selaras dengan transformasi digital yang sedang dilaksanakan Kerajaan Persekutuan melalui program Jaringan Digital Negara (JENDELA), Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga tidak ketinggalan mengambil peluang bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan komunikasi untuk kemudahan rakyat Pulau Pinang. Satu pelan yang dinamakan *Penang Connectivity Master Plan* (PCMP) telah diwujudkan oleh BKT melalui kerjasama pelbagai pihak berkepentingan. Inisiatif ini merupakan usaha Kerajaan Negeri dalam memastikan Pulau Pinang mempunyai kadar liputan telekomunikasi yang menyeluruh dan stabil di samping menambah baik liputan sedia ada di kawasan berpenduduk. Setakat ini, kadar liputan rangkaian 4G di Pulau Pinang telah meliputi 99.85 peratus kawasan berpenduduk dan menyasarkan pencapaian 100 peratus menjelang penghujung tahun 2023. Bagi pelaksanaan 5G pula, sebanyak 282 lokasi telah disiapkan pihak Digital Nasional Berhad (DNB) dan menyasarkan sebanyak 470 lokasi di seluruh Pulau Pinang yang akan memberi liputan sebanyak 80 peratus rangkaian 5G. Sehingga kini, Pulau Pinang telah menikmati lebih 50 peratus liputan rangkaian 5G dan Kerajaan Negeri akan membantu serta memudah cara pelaksanaan 5G bagi memastikan capaian rangkaian 5G di Pulau Pinang dapat disiapkan mengikut perancangan pihak DNB.

Serentak itu, pelbagai inisiatif juga telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri dalam usaha menyediakan negeri ini ke arah negeri digital. Antaranya adalah pembangunan modal insan dan keusahawanan digital melalui projek *Creative Digital District, ESG Incubation Hub, SME100 Digital Champion, Founder's Grit Seed Programme* dan lain-lain.

Kerajaan Negeri melalui *InvestPenang* selaku *Penang Cybercity Manager* juga menjalinkan kerjasama dengan agensi Kerajaan Pusat dan badan berkaitan seperti Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), MIDA dan GBS Malaysia (*Digital Global Business Services Council*) bagi menyediakan sokongan untuk mempromosi dan mengembangkan Pulau Pinang sebagai hab global untuk industri ini.

Dalam memperkasakan ekonomi digital kreatif, Kerajaan Negeri melalui *Digital Penang* telah menjalankan kerjasama dengan *Sunway Education Group* (SEG) dan Khazanah Nasional Berhad untuk menubuhkan '42 Penang' di *Creative Digital District* yang menawarkan pendidikan percuma dalam bidang sains komputer dan teknologi maklumat. Ini akan menggalakkan pembangunan bakat serta menarik lebih banyak pelabur untuk datang ke Pulau Pinang.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga amat menggalakkan peningkatan kemahiran dalam kalangan pengusaha Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) melalui program 'SME Go' yang mendidik para peserta mengenai pengetahuan asas, prinsip peringkat tinggi dan pemahaman Industri 4.0 bagi memastikan pengusaha-pengusaha ini bersedia untuk beradaptasi ke arah dunia digital.

Kerajaan Negeri melalui *Digital Penang* juga telah bekerjasama dengan *Malaysian Business Angel Network* (MBAN) dalam usaha meningkatkan pertumbuhan dan kejayaan syarikat pemula di Pulau Pinang. MBAN telah menubuhkan cawangannya di Pulau Pinang yang akan memudahkan syarikat-syarikat pemula untuk mendapatkan modal permulaan bagi perniagaan mereka.

Dalam usaha meningkatkan penyampaian perkhidmatan pusat-pusat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri juga telah melancarkan sistem *Digital Integrated Service Centre* (DISC) di 40 KADUN seluruh negeri. Sehingga kini, sebanyak 17 KADUN telah menggunakan sistem ini secara aktif.

Dalam usaha membangunkan infrastruktur telekomunikasi, pemasangan gentian optik akan dilaksanakan di seluruh kawasan pulau dalam empat (4) fasa. Fasa pertama dari George Town ke Batu Maung telah siap dilaksanakan pada Mac 2023. Fasa kedua dari George Town ke Batu Feringghi dan fasa ketiga dari Batu Maung ke Balik Pulau kini sedang dalam pelaksanaan dan dijangka siap pada Mei 2024. Manakala fasa keempat, iaitu dari Balik Pulau ke George Town pula kini sedang dalam perancangan dan dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2025. Pembangunan infrastruktur telekomunikasi ini akan meningkatkan lagi ketersambungan digital dalam kalangan rakyat dan perusahaan di Pulau Pinang yang akan memungkin perkembangan digital negeri pada masa akan datang.

HAL EHWAL AGAMA ISLAM

Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sejumlah RM21.48 juta untuk kegunaan Maksud Pembangunan di bawah P.13 – Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAIPP). Daripada jumlah peruntukan tersebut, sebanyak RM10.18 juta telah diluluskan untuk tujuan membina, menambah baik dan mengubah suai masjid serta surau di Pulau Pinang. Antara komitmen Kerajaan Negeri adalah bagi menjalankan projek bagi kerja-kerja membina semula bangunan Masjid Papan, Kampung Pertama, Seberang Perai Tengah, projek meroboh dan membina semula Masjid Jamek, Nurul Hidayah Sungai Lokan, Seberang Perai Utara dan kerja- kerja pemberaan pendawaian sistem elektrik Masjid Abdullah Fahim, Seberang Perai Utara.

Komitmen Kerajaan Negeri dalam memartabatkan agama Islam sebagai agama rasmi di negeri ini terus diperkuatkan dengan jalinan kerjasama bersama Kerajaan Persekutuan dalam membina masjid baharu serta menaik taraf masjid-masjid di Pulau Pinang. Projek masjid yang telah siap dibina pada tahun 2023 adalah seperti Masjid Jamek Sungai Puyu di Butterworth, Masjid Sungai Nibong Besar di Bayan Lepas, Masjid Taman Pelangi di Perai dan Masjid Jamek Perai dengan jumlah pembelian sebanyak RM7.5 juta daripada Kerajaan Negeri. Peruntukan RM10.18 juta yang diluluskan bagi tahun 2024 ini turut merangkumi RM2 juta bagi menaik taraf masjid-masjid dan surau-surau yang uzur di seluruh Pulau Pinang. Segala usaha yang dicurahkan ini adalah bagi menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri dalam memartabatkan agama Islam sebagai agama rasmi di negeri ini.

Kerajaan Negeri dalam pada itu turut berasa bangga apabila Pulau Pinang telah terpilih sebagai lokasi penganjuran bagi Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah atau 2023 Masihi, iaitu dari 11 hingga 16 Jun lalu di Pusat Konvensyen PICCA @ Arena Butterworth.

Usaha memartabatkan syiar Islam dan pembangunan umatnya terus diperkasakan melalui JHEAIPP dengan penganjuran pelbagai majlis-majlis rasmi lain di peringkat negeri seperti sambutan Maal Hijrah, Maulidur-Rasul dan Festival Nasyid dengan peruntukan yang disalurkan Kerajaan Negeri berjumlah RM718,250.

Kerajaan Negeri juga telah menjenamakan semula “Gagasan Khaira Ummah 2030” yang seiring dengan gagasan Visi Penang2030. Selaras dengan penjenamaan ini, Pusat Kajian Pemikiran dan Ketamadunan Islam Negeri Pulau Pinang, *Al-Hady Centre* (AHC) telah diilhamkan dan berfungsi sebagai pusat yang bertanggungjawab dalam mengintegrasikan pemikiran dan ketamadunan bagi tujuan penyelidikan dalam bidang Politik, Ekonomi, Sosial dan Sains & Teknologi (PEST) berdasarkan perspektif Islam.

Inisiatif mengembangkan pendidikan di sekolah- sekolah Islam yang merangkumi Sekolah Agama Rakyat (SAR), Kelas KAFA, Maahad Tahfiz, Pusat Tahfiz, Sekolah Rendah dan Menengah Tahfiz, pondok-pondok pengajian tradisional serta Sekolah Rendah dan Menengah Agama Rakyat di seluruh negeri Pulau Pinang turut diberi perhatian. Projek

sekolah-sekolah Islam dalam fasa pembinaan bagi tahun 2023 adalah dua (2) buah sekolah agama iaitu Madrasah al-Ittihadiyah al- Wataniyah di Cherok Tok Kun dan Sekolah Agama Rakyat Masjid Daerah Seberang Perai Utara di Telok Air Tawar dengan siling peruntukan yang diluluskan adalah sebanyak RM9.36 juta. Di samping itu, sejumlah RM1 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri bagi menaik taraf Sekolah Agama Rakyat yang uzur di seluruh Pulau Pinang bagi tahun 2023 antaranya, tiga (3) Sekolah Agama Rakyat (SAR) iaitu SAR Nurul Falah Taman Berjaya di Nibong Tebal, Daerah Seberang Perai Selatan dan SAR Masjid Bandar Baru Ayer Itam di Daerah Timur Laut serta SAR Madrasah An-Najah Kampung Selamat di Daerah Seberang Perai Utara. Kerja-kerja bagi pembinaan SAR yang dinyatakan akan diteruskan pada tahun 2024 dengan sejumlah RM2.4 juta diperuntukkan secara keseluruhan untuk SAR tersebut.

JHEAIPP melalui Bahagian Pengurusan Halal sentiasa berusaha memberikan kesedaran halal, meningkatkan kefahaman mengenai pensijilan Halal Malaysia dan perundangan berkaitan halal melalui penglibatan dalam pameran peringkat domestik dan antarabangsa serta penganjuran kursus, taklimat, bengkel dan aktiviti interaktif melibatkan orang awam, agensi pembimbing, pemain industri sama ada pemegang atau bukan pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia.

Sehingga September 2023, sebanyak 1,784 pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) direkodkan. Jumlah ini menunjukkan peningkatan yang baik jika dilihat kepada rekod sepanjang tahun 2022 yang keseluruhannya berjumlah 1,729. Skim Produk Makanan adalah antara Skim Pensijilan Halal Malaysia yang paling tinggi iaitu seramai 1,064 pemegang dan diikuti dengan skim-skim yang lain. Bagi tempoh Januari sehingga September 2023 juga, sebanyak 250 syarikat pemegang SPHM telah dipantau bagi memastikan prosedur dan standard pensijilan halal Malaysia dipatuhi secara berterusan.

PEMBANGUNAN SOSIAL, KEBAJIKAN DAN HAL EHWAL BUKAN ISLAM

Dalam mewujudkan sebuah masyarakat yang inklusif dan saksama, saya bangga menyatakan bahawa Pulau Pinang merupakan satu-satu negeri di Malaysia yang telah memperkenal dan menggunakan pakai Dasar Keterangkuman Gender (DKG) dalam memastikan wujudnya satu keseimbangan gender di negeri ini di samping mempromosikan kesaksamaan gender di semua agensi serta jabatan Kerajaan Negeri. Dasar ini akan terus dilaksanakan selaras dengan Visi Penang 2030 dan Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) menjadi tunjang serta agensi pelaksana utama dalam mengintegrasikan nilai keterangkuman gender ke dalam dasar, program dan amalan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Berdasarkan rekod daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Indeks Jurang Gender Malaysia (MGGI) mencatatkan 0.707 atau 70.7 peratus pada tahun 2021 berbanding 0.714 atau 71.4 peratus pada tahun 2020 dengan pencapaian wanita adalah melebihi lelaki dalam subindeks pencapaian pendidikan dengan skor 1.060. Menelusuri perkembangan ini, PWDC akan terus menjadi tunjang utama dalam memperkasakan lebih banyak peluang dan penyertaan golongan wanita di dalam bidang ekonomi, pendidikan, kesihatan dan kehidupan serta penguasaan politik di negeri ini.

Dasar Keluarga Selamat sebagai langkah awal dalam menawarkan khidmat sokongan melalui pusat '*First Support Point*' yang diwujudkan di pusat-pusat khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan di kaunter agensi-agensi Kerajaan Negeri. Ianya bertindak sebagai pelindung kepada mangsa-mangsa keganasan domestik atau keganasan rumah tangga malah adalah bagi mewujudkan sebuah ekosistem yang selamat untuk semua keluarga di negeri ini. Sehingga kini, seramai 222 orang atau *First Support Point* telah dilatih dan sebanyak 56 Pusat *First Support Point* telah ditubuhkan di bawah dasar ini.

Pada tahun 2009, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperkenalkan dasar pembasmian kemiskinan tegar melalui Program Agenda Ekonomi Saksama (AES) yang merupakan bantuan kewangan secara bulanan untuk membantu isi rumah miskin. Seiring dengan peredaran masa dan keperluan semasa, program bantuan ini telah dijenamakan semula sebagai Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES) dalam mengoptimumkan sumber kewangan dan urus tadbir yang lebih efisien. Program BAES dilaksanakan untuk memastikan setiap keluarga menerima sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia sembilan ratus empat puluh empat (RM944) sebulan dan kadar perkapita Ringgit Malaysia dua ratus enam puluh (RM260) berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2016. Sehingga Oktober 2023, Kerajaan Negeri telah berjaya membantu seramai 1,011 Ketua Isi Rumah (KIR) miskin di bawah Program BAES ini, dengan melibatkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM3.7 juta.

Kerajaan Negeri terus mengungguli dalam usaha memperkasa pembangunan sosial rakyat di negeri ini dengan memperuntukkan sebanyak RM4.4 juta bagi merealisasikan pembinaan sebuah Pusat Transit Gelandangan Pulau Pinang di negeri ini. Pusat Transit Gelandangan yang terletak di Jalan C.Y. Choy ini memainkan peranan penting dalam menyediakan kemudahan kepada golongan gelandangan sebagai tempat tinggal sementara serta sebagai pusat pengedaran makanan oleh pertubuhan sukarela mahupun orang perseorangan. Saya juga ingin menegaskan bahawa kewujudan pusat ini merupakan satu titik tolak baharu dalam mengupayakan kehidupan golongan gelandangan di negeri ini ke arah kualiti hidup, kebahagiaan dan emosi yang lebih baik. Sehingga 27 Oktober 2023, pusat ini telah menerima masuk seramai 123 individu yang terdiri daripada 106 orang lelaki dan 17 orang wanita. Bilangan ini juga sentiasa berubah dengan jumlah antara 50 sehingga 60 orang yang menikmati kemudahan di pusat ini dalam sesuatu masa.

KERAJAAN TEMPATAN DAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL

Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dan memandang serius bagi isu-isu di peringkat tempatan dan juga perkara berkaitan taraf kualiti hidup rakyat Pulau Pinang. Justeru, Kerajaan Negeri dengan kerjasama PBT sentiasa mengambil cakna dan mencari penyelesaian melalui pembangunan dasar-dasar di peringkat negeri serta menyelaras dan memantau urusan pelaksanaan dasar serta polisi antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Antaranya adalah perkara berkaitan tanah lapang awam, pengoperasian tempat inap persendirian di skim Hartanah Berstrata dan Skim Kediaman Bertanah, serta Sistem Retikulasi Paip dan Tangki di kediaman bertingkat di negeri ini. Usaha-usaha tersebut bertujuan menambah baik kualiti perkhidmatan Kerajaan Negeri dan juga memastikan kesejahteraan rakyat Pulau Pinang terjamin.

Malah, Kerajaan Negeri melalui BKT juga sedang giat berusaha untuk merealisasikan Dasar *Total Solution* bagi pengurusan sisa pepejal di negeri ini. Objektif pelaksanaan dasar tersebut adalah untuk mengurangkan sisa pepejal yang dilupuskan di tapak pelupusan melalui inisiatif-inisiatif yang dirancang iaitu pelaksanaan teknologi rawatan sisa pepejal seperti teknologi MRF dan ‘anaerobic digestior’ serta penerapan konsep ekonomi kitaran secara menyeluruh dalam membangunkan *Penang Waste Eco Park* atau Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung bagi menghasilkan biogas atau tenaga dan bahan mentah sekunder.

PERUMAHAN

Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa komited dan serius dalam agenda perumahan di negeri ini sebagaimana yang ditetapkan dalam Visi Penang2030 di bawah Inisiatif Strategik A1: Menangani Isu Kemampuan dan Kepelbagai Perumahan. Komitmen ini juga merupakan salah satu Manifesto Kerajaan Perpaduan Pulau Pinang 2023.

Ingin saya maklumkan bahawa, usaha untuk membekalkan perumahan mampu milik pelbagai kategori telah mencapai 152,263 unit atau 69.2 peratus bagi Rumah Mampu Milik (RMM) Kategori A, B dan C merangkumi kategori projek siap, dalam pembinaan dan dalam perancangan daripada 220,000 unit yang telah disasarkan menjelang tahun 2030.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut memberi pertimbangan khusus kepada pemohon yang gagal untuk mendapatkan pinjaman bank selepas ditawarkan rumah mampu milik. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri di bawah Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang menyasarkan penyediaan sebanyak 22,000 unit atau bersamaan 10 peratus daripada perumahan mampu milik untuk ditawarkan melalui kaedah sewa beli atau *rent to own*. Sehingga kini, sebanyak 4,191 unit RMM atau 19 peratus telah dikenal pasti untuk ditawarkan di bawah kaedah ini dan ia akan dipertingkatkan dari semasa ke semasa demi memastikan penduduk di negeri ini memiliki rumah untuk didiami.

Pulau Pinang juga sebagai sebuah negeri berstrata memberi perhatian khusus kepada penyelenggaraan skim-skim perumahan awam dan swasta yang layak. Sejak 2008 hingga kini, sebanyak RM348.5 juta telah diperuntukkan bagi menyelenggara skim-skim perumahan ini dan ia akan terus dilaksanakan agar terus berdaya huni. Bagi pelan jangka masa panjang, Kerajaan Negeri akan menilai kebolehlaksanaan pembaharuan semula skim atau '*scheme redevelopment*' sekiranya ia tidak ekonomik untuk diselenggara atau ada keperluan kritikal.

Buat permulaan, sebanyak lima (5) skim telah dikenal pasti iaitu di Mahsuri 5 Point Blok, Daerah Barat Daya, Taman Free School, Daerah Timur Laut, Rumah Pangsa Padang Tembak, Daerah Timur Laut, Rumah Pangsa Mak Mandin, Daerah Seberang Perai Utara dan Rumah Pangsa Siakap, Daerah Seberang Perai Tengah. Skim-skim perumahan yang telah berusia lebih 30 tahun, dengan saiz antara 300 kaki ke 400 kaki persegi, tanpa kemudahan masyarakat yang cukup akan diganti dengan kediaman lebih baik dan kemudahan setanding dengan perumahan moden. Usaha ini merupakan salah satu langkah dalam menambah rumah mampu milik dan juga meningkatkan guna tanah secara optimum.

Selanjutnya, Kerajaan Negeri terus prihatin dalam meneroka keperluan Skim Perumahan Sewa Khas bagi Golongan Belia atau Bujang. Hasrat ini adalah selari dengan konsep Perumahan Inklusif MADANI dan juga merupakan kesinambungan pelaksanaan terhadap Manifesto Perpaduan Pulau Pinang 2023 iaitu "Memperkasakan Golongan Wanita dan Belia". Bagi merealisasikan hasrat murni ini, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan akan terus bekerjasama untuk membangunkan skim perumahan untuk golongan belia dan bujang melalui pelaksanaan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Jelutong di George Town. Pada masa ini, unit kediaman sewa sama ada di bawah Rumah Sewa Kerajaan Negeri (RSKN) mahupun PPR dengan keluasan minimum 416 kaki persegi dengan dua (2) bilik hanya ditawarkan kepada pemohon berkeluarga. Walau bagaimanapun, sebagai sebuah negeri yang pesat maju dalam sektor industri, Kerajaan Negeri mendapati bahawa terdapat keperluan tinggi ke atas penyewaan unit kediaman daripada golongan bujang atau belia yang berkeluarga. Justeru, Kerajaan Negeri telah mengemukakan usul kepada Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk membina satu kategori PPR yang membolehkan pemohon bujang dan keluarga baru dengan bilangan ahli keluarga kecil diperkenalkan di negeri ini.

PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Kerajaan Negeri sangat cakna akan bantuan dan program yang boleh dibuat bagi pembangunan luar bandar. Mengambil kira perkembangan semasa, Kerajaan Negeri telah meneliti semula Garis Panduan Program Bina Baru dan Baik Pulih Rumah Rakyat Miskin di mana nilai maksimum pembinaan rumah baru telah dinaikkan daripada RM56,000 kepada nilai maksimum baharu, iaitu RM75,000 berkuat kuasa pada tahun 2023. Langkah ini bukan sahaja bagi memastikan program ini terus kekal relevan dan efektif, namun ia adalah bagi mencapai maksud utama dalam membantu golongan kurang berkemampuan untuk mendapatkan tempat tinggal yang selesa. Pada tahun ini, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM3.1 juta bagi meneruskan kesinambungan program ini dan sehingga kini, seramai 42 jumlah penerima telah menerima manfaat daripada program ini dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM2.23 juta.

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Luar Bandar telah memperuntukkan sebanyak RM50,000 bagi bantuan peralatan di setiap daerah dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM250,000 pada tahun ini. Program ini telah dan sedang dilaksanakan di bawah Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan) Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang bertujuan untuk membantu peniaga kecil sepenuh masa termasuk golongan miskin yang menjalankan perniagaan. Individu yang telah menjalankan perniagaan sekurang-kurangnya satu (1) tahun dan berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan adalah layak untuk mendapat bantuan peralatan dalam usaha mengembangkan lagi perniagaan sedia ada. Bantuan peralatan yang dimohon adalah bertujuan untuk mengembangkan perniagaan sedia ada agar ia mampu meningkatkan jumlah penghasilan atau produktiviti. Sehingga kini, seramai 65 orang penerima dengan jumlah peruntukkan sebanyak RM165,821 telah menerima manfaat daripada pelaksanaan program ini.

KELESTARIAN ALAM SEKITAR

Kerajaan Negeri sememangnya amat komited dalam usaha pengekalan dan pemuliharaan kawasan sensitif alam sekitar sebagaimana yang telah diterapkan di dalam Agenda Hijau Pulau Pinang 2030 (*Penang Green Agenda 2030*) dan turut seajar dengan matlamat *United Nations Sustainable Development 2030*. Komitmen ini merupakan asas dan panduan kepada Kerajaan Negeri untuk terus mengarusperdanakan amalan kemampanan dalam mencapai pembangunan lestari dan memelihara alam sekitar yang menyumbang kepada peningkatan pertumbuhan ekonomi lestari.

Bagi memastikan hasrat ini tercapai, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa berusaha memastikan kualiti hidup rakyat Pulau Pinang dipertingkatkan sejarar dengan pertumbuhan ekonomi negeri dan negara dengan mengambil kira pembangunan mampan yang menitikberatkan alam sekitar yang bersih, sihat serta selamat. Kendatipun begitu, kemajuan dan pemodenan ekonomi Pulau Pinang akan lebih bermakna sekiranya seluruh rakyat negeri ini terus bermuafakat dalam menerima pembaharuan baharu dengan memberi penekanan kepada pembudayaan lestari dalam kehidupan seharian. Usaha ini adalah amat penting dalam membentuk sebuah komuniti lestari yang berlandaskan kepada prinsip-prinsip kelestarian iaitu keseimbangan antara ekonomi, sosial dan alam sekitar. Pembentukan komuniti lestari ini juga akan dapat membantu merangsang kepada pertumbuhan ekonomi yang mapan melalui penyediaan peluang-peluang pekerjaan yang lebih berdaya saing serta mampu mempertingkatkan kesejahteraan hidup rakyat di negeri ini.

Umum mengetahui bahawa Bukit Bendera Pulau Pinang telah diberi pengiktirafan dunia sebagai tapak Rizab Biosfera di bawah Program Manusia dan Biosfera (MAB), UNESCO pada tahun 2021. Pada ketika ini, Kerajaan Negeri menerusi Jabatan Perhutanan Negeri sedang dalam rangka untuk mencalonkan Kompleks Hutan Simpan Paya Laut di

pesisir pantai Penaga sehingga ke Teluk Air Tawar, sebagai kawasan *Flyway Site Network*, iaitu sebagai sebuah tapak persinggahan burung-burung pantai hijrah di bawah forum *East Asian-Australasian Flyway Partnership* (EAAFP). Apabila berjaya diiktiraf kelak, Pulau Pinang bakal mempunyai sebuah kawasan *Flyway Site Network* yang pertama di Semenanjung Malaysia dan kedua dalam negara selepas Bako-Buntal Bay *Flyway Site Network* di negeri Sarawak. Usaha melestarikan khazanah ini akan mampu mewujudkan sebuah destinasi ekopelancongan yang baharu di negeri ini di samping membuka ruang serta peluang ekonomi baharu kepada warga komuniti dan masyarakat di sekitar kawasan tersebut.

Kawasan Beting Tengah atau *Middle Bank* di Negeri Pulau Pinang merupakan satu kawasan yang sangat kaya dengan biodiversiti marin. Selain mempunyai biodiversiti marin yang tinggi, Pulau Gazumbo merupakan satu-satunya kawasan di Selat Melaka yang mempunyai taburan rumput laut luas dengan pelbagai spesies. Di samping itu juga, terdapat pelbagai jenis ikan, kerang, ketam dan makanan laut lain yang menjadi sumber makanan kepada masyarakat di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh lokasinya yang terletak berhampiran dengan pusat bandar Pulau Pinang dan dikelilingi oleh kawasan yang padat dengan aktiviti ekonomi, perindustrian serta penempatan telah menyebabkan kewujudan kawasan dan biodiversitinya begitu rapuh dan dikhuatiri akan lenyap sekiranya tiada perlindungan dan tadbir urus yang baik.

Menyedari ancaman serta kepentingan kawasan ini daripada aspek ekonomi dan estetika bagi negeri ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang mencadangkan agar kawasan *Middle Bank* ini dilindungi dan dijenamakan sebagai Santuari Marin *Middle Bank*. Kejayaan pewartaan *Middle Bank* kini dalam cadangan untuk diwartakan bagi melindungi spesies yang terdapat di kawasan tersebut. Sekiranya berjaya diwartakan, ini akan menjadikan Pulau Pinang satu-satunya negeri di Malaysia yang mempunyai santuari marinnya sendiri.

BENCANA

Pada tahun 2022, Kerajaan Negeri telah meluluskan cadangan untuk mewujudkan sebuah Pusat Logistik Kemanusiaan Bencana (*Disaster Humanitarian Logistic Centre*) di atas tanah Kerajaan, Jalan Chan Ewe Pin, Mukim 14, Daerah Seberang Perai Tengah dengan anggaran peruntukan sebanyak RM6.5 juta. Peruntukan sebanyak RM1.5 juta daripada RM6.5 juta telah diperuntukkan bagi proses kerja-kerja awalan yang dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang pada tahun 2023.

Seterusnya, pada tahun 2024, sejumlah RM2.5 juta akan diperuntukkan bagi kerja-kerja pembinaan dan pusat ini dijangkakan akan siap dibina sepenuhnya pada tahun 2025.

PENGANGKUTAN DAN PELAN INDUK PENGANGKUTAN PULAU PINANG (PTMP)

Dalam usaha mengawal kesesakan lalu lintas di negeri ini, Kerajaan Negeri melalui Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (*Penang Transport Master Plan*) telah melaksanakan pendekatan dan strategi untuk mendorong penggunaan pengangkutan awam yang lebih meluas. Projek Jalan Pintasan Ayer Itam ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu (Pakej 2) kini dalam pelaksanaan dengan kemajuan di tapak sebanyak 40 peratus setakat bulan September 2023. Setelah projek ini siap, jajaran Pakej 2 yang merupakan pintasan bebas tol akan memberikan kelebihan kepada orang awam daripada segi pengurangan masa perjalanan iaitu dianggarkan dari 40 minit kepada lima (5) minit sahaja.

Program Pas Mutiara My50, iaitu pas perjalanan tanpa had selama 30 hari yang dibiayai Kerajaan Negeri juga mendapat sambutan amat menggalakkan daripada penduduk negeri

ini. Setiap bulan, secara purata 13,000 pas dilanggan menjadikan sehingga bulan Oktober 2023, lebih daripada 130,000 pas telah dilanggan oleh pengguna di negeri ini.

Berdasarkan pembentangan Belanjawan 2024 oleh YAB Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan pada 13 Oktober lalu, Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM10 bilion bagi pelaksanaan projek Aliran Transit Ringan (LRT) Pulau Pinang ke Seberang Perai. Kerajaan Negeri amatlah berbesar hati dengan komitmen Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan projek jajaran LRT yang telah lama dinanti-nantikan oleh rakyat Pulau Pinang. Kerajaan Negeri amat bersyukur dan berjanji akan memberikan sepenuh kerjasama kepada pihak Kerajaan Persekutuan demi merealisasikan projek ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada pihak Kementerian Pengangkutan (MOT) atas pelancaran empat (4) buah feri baharu pada 17 Ogos 2023 oleh Tuan Yang Terutama Tun.

Kerajaan Negeri akan meneruskan dua (2) laluan bas percuma CAT *Bridge*, iaitu laluan Seberang Jaya ke Bayan Lepas dan Bukit Mertajam ke Komtar. Manakala program bas *shuttle* sedia ada sejak tahun 2008, iaitu CAT George Town dan BEST KOMTAR sejak tahun 2013 juga akan diteruskan.

Jumlah peruntukan yang terlibat bagi semua tajaan dan subsidi sektor pengangkutan ini dianggarkan berjumlah lebih RM15 juta untuk tahun 2024, tidak termasuk pembiayaan bas *Central Area Transit* (CAT) George Town yang berjumlah RM1.6 juta.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah membelanjakan kira-kira RM16.56 juta sehingga tahun 2023 bagi pemberian insentif perkhidmatan kepada pemandu teksi dan pengusaha bas sekolah. Pemberian insentif ini akan diteruskan pada tahun hadapan dengan peruntukan sebanyak RM1.2 juta.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga sedang menimbang untuk memanjangkan pemberian insentif ini kepada pemandu *e-hailing* Pulau Pinang. Manakala bagi penunggang *p-hailing*, beberapa siri perbincangan bersama pihak PERKESO telah diadakan bagi membayai sepenuhnya insurans kemalangan diri kepada penunggang *p-hailing*.

Selaras dengan perkembangan dan kesedaran mengenai ‘carbon reduction’ menerusi *Sustainable Development Goals* (SDG) dan *Penang Green Agenda* (PGA), Kerajaan Negeri ingin menyatakan sokongan kepada peralihan penggunaan kenderaan elektrik. Infrastruktur seperti tempat pengecasan kenderaan elektrik akan terus diberikan perhatian penuh oleh pihak Kerajaan Negeri bagi menyokong hasrat ini.

Bagi projek *Penang South Reclamation* (PSR) atau kini dikenali sebagai *Penang South Island* (PSI) yang melibatkan tambakan sebanyak 2,300 ekar bagi Pulau A yang dikenali sebagai ‘*Silicon Island*’, kerja-kerja fizikal di tapak telah dimulakan sejak 22 September lalu dan dijangka kawasan seluas 4 hingga 5 ekar akan siap ditambun pada awal bulan Disember ini.

Malah, sebagaimana dijanjikan oleh Kerajaan Negeri kepada nelayan-nelayan yang terjejas, pakej-pakej *Social Impact Management Plan* (SIMP) yang telah diuar-uarkan sejak tahun 2020, kini dalam pelaksanaan dan setakat hujung Oktober 2023, seramai 266 nelayan telah menerima bayaran. Pada hujung tahun 2023, secara keseluruhan, dijangka 338 nelayan berdaftar (di bawah SIMP) telah dan akan menerima *ex-gratia* mengikut kuantum yang telah dipersetujui manakala baki penerima (yang layak) akan diproses pembayarannya sejurus mereka membuat pendaftaran. Bagi tahun 2023 dan tahun 2024 sahaja, sebanyak RM38 juta telah diperuntukkan di bawah pakej SIMP untuk pemberian bantuan *ex-gratia* dan bantuan bot baharu kepada nelayan-nelayan yang terlibat melalui kos projek PSI.

INFRASTRUKTUR BEKALAN AIR

Kerajaan Negeri prihatin dengan isu dan cabaran melibatkan sumber air yang mana negeri kita dijangka akan menghadapi krisis air menjelang tahun 2030 sekiranya penggunaan air tidak diuruskan dengan mampan dan tiada sumber air mentah alternatif baru. Selain itu, dengan faktor perubahan cuaca yang tidak menentu dan taburan hujan yang sedikit di kawasan tadahan air turut menjelaskan paras empangan. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah menyediakan beberapa inisiatif dan pelan tindakan jangka masa pendek serta panjang dalam memastikan pembekalan air berterusan kepada 585,740 pengguna domestik dan juga 91,117 pengguna industri di Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan ini ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Perak yang telah bersetuju untuk menjual bekalan air terawat kepada Pulau Pinang melalui pembinaan Loji Rawatan Air (LRA) di utara negeri ini yang akan memberi manfaat kepada kedua-dua negeri. Kerajaan Negeri juga melalui kerjasama Kerajaan Persekutuan dalam fasa pembinaan untuk menyiapkan projek pemasangan paip air mentah berdiameter 1.6 meter sepanjang 7 kilometer dari rumah pam Mak Sulong ke Terusan Sungai Dua dengan kos projek sebanyak RM72.4 juta. Projek ini dijangka siap pada akhir tahun 2023 dan penyempurnaan projek tersebut akan meningkatkan kapasiti pengeluaran air mentah daripada 300 juta liter air (JLH) kepada 600 juta liter air dari Empangan Mengkuang. Kerajaan Negeri juga akan memastikan projek rumah pam Lahar Yooi Fasa 2C dapat diteruskan oleh Kerajaan Persekutuan bagi melengkapkan pakej di bawah projek pembinaan Pembesaran Empangan Mengkuang dan sekiranya projek ini dilaksanakan, Pulau Pinang dapat memanfaatkan sepenuhnya dengan pengeluaran air mentah sebanyak 1000 juta liter air dari Empangan Mengkuang.

Kerajaan Negeri melalui inisiatif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah merangka beberapa projek infrastruktur bekalan air melibatkan pelaburan sebanyak RM1.18 bilion di bawah Pelan Kontigensi Air 2030 untuk tempoh lima (5) tahun akan datang bagi menghadapi cabaran permintaan air yang sangat tinggi menjelang 2030. Inisiatif ini akan membantu Pulau Pinang meminimumkan krisis bekalan air dan seterusnya menunjukkan Kerajaan Negeri terus komited dalam memastikan bekalan air berterusan kepada penduduk negeri Pulau Pinang.

PELANCONGAN

Kerajaan Negeri sentiasa berusaha dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai lokasi utama pelancongan dalam negara dengan menawarkan pelbagai tarikan pelancongan dan aktiviti pengalaman yang boleh memenuhi sasaran khalayak serta pasaran berbeza. Pulau Pinang memiliki pelbagai jenis permata tersembunyi yang masih belum ditemui, sebagai contohnya, *The Other Side of the Island* iaitu di Balik Pulau dan Teluk Bahang dan *The Opposite Side of the Island* iaitu, di Seberang Perai.

Lokasi-lokasi ini dipenuhi dengan alam semula jadi dan taman tema berdasarkan pertanian dengan bumi subur luas dan menghijau. Selain itu, tarikan baharu *Penang Waterfront Convention Centre* (PWCC), *Fort Cornwallis*, dan Muzium Negeri Pulau Pinang yang dinaik taraf sedia menawarkan pengalaman yang menakjubkan kepada para pelancong. Produk-produk pelancongan sedia ada juga akan dipertingkatkan dan ditambah baik dari semasa ke semasa bagi mengalu-alukan kehadiran pelancong ke Pulau Mutiara ini.

Selain itu, *Gurney Bay* sebuah taman pinggir laut yang terancang bakal menjadi sebagai '*Iconic Waterfront Destination*' dengan cadangan konsep pelan induk yang merangkumi empat bidang dan ciri kesenjangan iaitu, *Seaside Retail F&B*, *Water*

Gardens, Beach dan *Coastal Grove*. Projek tersebut yang dianggarkan bernilai RM221 juta akan siap sepenuhnya pada awal tahun 2025.

Kerajaan Negeri juga telah menerima peruntukan sebanyak RM25 juta daripada Kerajaan Persekutuan untuk tujuan pemuliharaan dan pengurusan Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town. Keutamaan peruntukan ini adalah untuk mengukuhkan nilai keunggulan sejagat Tapak Warisan Dunia melalui komponen projek seperti insentif pemberian dan pemuliharaan bangunan warisan Kategori I dan II, penyediaan lukisan terukur bagi bangunan Kategori I, penyediaan laporan kajian dilapidasi dan pernyataan tatacara kerja bagi bangunan Kategori I, penaiktarafan laluan kaki-lima, menaik taraf sistem pencarian jalan (*wayfinding systems*), projek pengurangan risiko bencana berdasarkan komuniti terhadap warisan budaya, projek pembinaan kapasiti warisan budaya tidak ketara berdasarkan komuniti, pelaksanaan aktiviti warisan kebudayaan dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town dan pelaksanaan projek-projek lain.

BELIA DAN SUKAN

Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) telah membangunkan pelbagai program belia dan sukan di peringkat negeri, kebangsaan mahupun antarabangsa. Langkah ini adalah selaras dengan Dasar Belia untuk Masa Depan (*Youth for Future*) yang menekankan kepada pembangunan holistik belia daripada sudut pembangunan sosial, ekonomi dan diri. Sejakar dengan harapan ini, program *Youth Entrepreneurship Challenge* (YEC) yang telah diadakan sejak tahun 2020 telah berjaya melahirkan seramai 546 usahawan belia di negeri ini. Program ini turut memberi manfaat dalam memperkasakan idea-idea keusahawanan melalui khidmat bimbingan dan nasihat daripada usahawan-usahawan yang berjaya. PYDC dalam pada itu turut menjalankan kerjasama yang erat dengan pelbagai agensi, pemain industri, dan juga pertubuhan keusahawanan termasuk Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (PERDASAMA), *Penang Chinese Chamber of Commerce Young Entrepreneur Section* (PCCC YES), *Malaysian Indian Chamber of Commerce and Industry* (MICCI), dan Persatuan Usahawan Maju Malaysia (PUMM) untuk memberi bimbingan dan panduan berkaitan dengan bidang keusahawanan kepada golongan belia di negeri ini.

PYDC juga telah menganjurkan acara perdana secara tahunan iaitu *International Youth Conference* yang mana melibatkan golongan belia tempatan dan antarabangsa. Golongan belia yang terlibat akan membentangkan hasil kajian dan berpeluang untuk menerbitkan kertas kajian dalam jurnal akademik.

Selain itu, Inisiatif Bakat Digital Muda Pulau Pinang (*Penang Young Digital Talents*) yang telah diwujudkan mulai tahun 2020 telah menarik minat seramai 5,449 individu yang berusia antara 15 tahun hingga 35 tahun. Objektif utama inisiatif ini adalah untuk menyediakan persekitaran pembelajaran yang merangsang minda dengan menawarkan pengalaman yang menarik di samping mengurangkan jurang digital antara para belia dengan pemain industri dengan menggalakkan konsep pembelajaran sepanjang hayat.

Kerajaan Negeri sentiasa memberi perhatian kepada pembangunan sukan di Pulau Pinang. Sehubungan dengan itu, inisiatif '*Penang Junior Coaches*' telah diwujudkan untuk memangkin usaha penjanaan jurulatih-jurulatih muda negeri yang dibuka khas kepada atlet-atlet SUKMA Negeri Pulau Pinang. Inisiatif ini telah berjaya mendidik sebanyak 88 atlet sedia ada dan bekas atlet negeri untuk berkecimpung dalam bidang kejurulatihan.

Manakala inisiatif '*Penang Junior Champions*' telah berjaya mendidik sebanyak 700 atlet muda yang berusia antara 7 hingga 12 tahun melalui enam (6) jenis sukan di semua daerah di Pulau Pinang. Antara aktiviti dan program di bawah inisiatif ini adalah seperti

mengadakan kelas-kelas latihan sukan yang dikendalikan oleh jurulatih ‘Penang Junior Coaches’ bagi mencari pelapis-pelapis baharu dalam sukan berprestasi tinggi negeri.

AGROTEKNOLOGI DAN KESELAMATAN MAKANAN

Pembangunan sektor pertanian terus dipacu oleh Dasar Agromakanan Negara (DAN 2.0) 2021-2025 di mana objektif pembangunan subsektor agromakanan ialah memastikan bekalan bahan makanan mencukupi, tersedia dan selamat dimakan. Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Ara Kuda, TKPM Mayfield, Taman Agro Batu Kawan (Juru) dan Taman Pertanian (*Agropark*) Permatang Pauh merupakan antara inisiatif Kerajaan Negeri untuk membantu ke arah memastikan bekalan makanan negara mencukupi.

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri juga telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkat hasil pengeluaran dan kualiti produk melalui program-program pengembangan serta projek pembangunan pertanian. Walaupun begitu, momentum pertumbuhan sektor pertanian bergantung kepada beberapa faktor seperti sosioekonomi dan perkembangan teknologi pertanian. Pada tahun ini, Jabatan Pertanian Negeri telah menerima peruntukan pembangunan sektor agromakanan berjumlah RM6.92 juta daripada Kerajaan Negeri bagi pelaksanaan 16 projek dan program pembangunan pertanian dengan 14 daripadanya telah memberi manfaat secara langsung kepada kumpulan sasar iaitu para petani, usahawan Industri Asas Tani (IAT) dan belia tani. Manakala dua (2) projek lagi adalah untuk membaik pulih dan menaik taraf infrastruktur pengoperasian jabatan. Bagi tahun 2024, Jabatan Pertanian Negeri akan menerima peruntukan pembangunan berjumlah RM6.93 juta bagi meneruskan projek-projek ini.

Melalui inisiatif dan peruntukan yang telah diberikan pada tahun-tahun sebelum ini, Pulau Pinang telah merekodkan hasil purata pengeluaran padi tertinggi dalam negara selama enam (6) tahun berturut-turut, iaitu dari tahun 2018 hingga 2023. Meskipun berhadapan dengan pelbagai isu seperti masalah tanah jerlus, kekurangan tanah pertanian, kenaikan harga benih padi dan serangan serangga perosak, pencapaian tahap sara diri (SSL) padi di Pulau Pinang masih berjaya dikekalkan pada paras lebih 60 peratus. Pada tahun 2021, tahap sara diri padi telah dicatatkan pada 63.71 peratus, manakala tahun 2022 pada 61.56 peratus.

Subsektor makanan pertanian terus dijadikan sebagai tumpuan utama dalam sektor pertanian untuk mencapai agenda dalam meningkatkan keterjaminan makanan dan menjana pendapatan yang lebih tinggi kepada barisan hadapan pertanian. Bagi merealisasikan hasrat ini, pelbagai langkah dan tindakan sedang dilaksanakan seperti memperkuatkkan rantai bekalan makanan, menambahkan sokongan serta perkhidmatan penyampaian, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran teknologi serta menggalakkan lagi pematuhan terhadap standard dan amalan pertanian yang baik melalui Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP) dan Skim Pensijilan Organik Malaysia (myOrganik). Usaha-usaha ini secara tidak langsung bertujuan meningkatkan jaminan dan keselamatan makanan melalui peningkatan produktiviti pengeluaran tanaman di negeri ini.

Sesungguhnya, Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan penglibatan generasi muda dan belia dalam mempelopori aktiviti dan perusahaan pertanian. Penglibatan golongan muda dalam bidang pertanian pada masa kini perlu dikenangkan yang bukan sahaja dapat membantu dengan penjanaan pendapatan yang lebih baik malah demi memperkasa agenda keterjaminan makanan negeri ini. Menyedari kepentingan golongan belia dalam bidang pertanian, Kerajaan Negeri telah menyediakan dua (2) program iaitu Program Petani Pelapis dan Program Tabung Usahawan Tani dalam memperkasakan peranan belia negeri ini dalam sektor pertanian di negeri ini.

Program Pembangunan Petani Pelapis menjadi landasan penting dalam melibatkan penyertaan golongan belia di negeri ini sebagai usahawan tani muda melalui pembinaan keupayaan (*capacity building*) yang dijalankan secara latihan, taklimat, *roadshow*, seminar dan sebagainya. Pembinaan keupayaan program ini juga disokong dengan bantuan dalam bentuk peralatan atau jentera, input pertanian dan pembangunan infrastruktur yang disediakan melalui program ini.

Program Tabung Usahawan Tani (TUT) yang disediakan oleh Kerajaan Negeri telah membantu golongan belia di negeri ini melalui pinjaman mudah sebanyak RM6,000 yang perlu dibayar semula oleh belia dalam tempoh dua (2) tahun tanpa sebarang faedah. Pinjaman dalam bentuk modal ini adalah bertujuan memperkembangkan lagi bidang keusahawanan para belia, sementara pendekatan pemindahan pengetahuan (*knowledge transfer*) dalam bentuk teknologi pertanian dan khidmat nasihat kepada peserta TUT terus diberikan oleh Jabatan Pertanian secara percuma. Sehingga kini, bilangan penerima bantuan pembiayaan bagi subsektor tanaman dan industri asas tani adalah seramai 195 penerima dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM1.09 juta.

Program *Farmer to Farmer* turut diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri dalam meningkatkan kualiti hidup atau kos sara hidup keluarga tani dengan menyasarkan golongan-golongan seperti wanita-wanita tani, warga emas tani, belia-belia tani mahupun komuniti tani di bawah kelolaan Jabatan Pertanian Negeri. Melalui program agroteknologi ini, ia sedikit sebanyak dapat membantu golongan yang disasarkan ini untuk menjana pendapatan yang lebih baik, mampan atau *self-sustainable*. Bagi meneruskan kesinambungan program ini, Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM500,000 pada tahun ini kepada Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang.

Dasar dan hala tuju Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri (JPV) sentiasa memberi penumpuan kepada pembangunan sektor ternakan melibatkan komoditi ternakan utama serta industri hiliran berdasarkan ternakan bagi memastikan keperluan makanan dari sudut jaminan (*security*) dan keselamatan (*safety*) adalah di tahap yang tertinggi. Pembangunan sektor ternakan ini perlu senantiasa dibangunkan secara dinamik bagi membolehkan sumber makanan kepada rakyat Negeri Pulau Pinang sentiasa tersedia (*available*), mudah didapati (*accessible*) dan mampu dimiliki (*affordable*).

Namun begitu, cabaran utama dalam pembangunan industri penternakan pada masa kini seperti peningkatan kos pengeluaran yang disebabkan oleh kenaikan harga makanan ternakan serta kekurangan sumber tenaga kerja buruh asing perlu ditangani secara bersepdua antara semua pihak berkepentingan. Kebergantungan sumber bahan mentah makanan ternakan dari luar negara serta kurang minat tenaga kerja tempatan dalam bidang pertanian dan pengaruh daripada pertukaran mata wang asing akan memberikan kesan jangka panjang kepada pertumbuhan keseluruhan industri penternakan untuk terus mampan dan berdaya saing.

Sebanyak tiga (3) komoditi penternakan telah mencatatkan kadar sara diri (SSR) melebihi 100 peratus bagi tahun 2021 dan 2022, iaitu ayam, itik dan babi. Pengeluaran ayam dan itik pada tahun 2021 adalah sebanyak 76,553.94 tan metrik, iaitu SSR sebanyak 113.27 peratus, meningkat kepada 93,921.02 tan metrik iaitu bersamaan 139.11 peratus SSR pada tahun 2022. Bagi aspek pengeluaran ladang, Nilai Hasil Ternakan (NHT) sejak tahun 2018 telah mengekalkan perolehan melebihi RM900 juta pada setiap tahun. Pengeluaran NHT pada tahun 2022 berjumlah RM1.99 billion, iaitu peningkatan sebanyak RM459.77 juta dari NHT 2021 yang berjumlah RM1.53 billion. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh beberapa peningkatan produktiviti ternakan bagi komoditi utama seperti daging lembu dan kerbau, daging kambing dan bebiri, telur ayam dan itik dan peningkatan harga semasa.

Bagi tahun 2024, Kerajaan Negeri melalui JPV akan terus menggembeleng tenaga dalam melaksanakan aktiviti- aktiviti mahupun program yang menyokong kepada pengukuhan pengeluaran ternakan di negeri ini. Sebanyak RM4.6 juta akan diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri kepada JPV pada tahun 2024 untuk melaksanakan projek- projek pembangunan pengeluaran ternakan demi membangunkan sektor agromakanan yang mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi di negeri ini.

Pulau Pinang menyumbang kepada pengeluaran hasil akuakultur tertinggi dalam negara yang mana mencatatkan nilai berjumlah RM681.2 juta pada tahun 2022. Secara keseluruhannya sebanyak RM1.18 bilion hasil diperoleh melalui sektor perikanan di Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2022.

Bagi merancakkan industri akuakultur di negeri ini, Kerajaan Negeri telah menyalurkan sebanyak RM1 juta kepada Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang bagi mempergiatkan industri kerang di negeri ini. Penternakan kerang boleh membantu untuk mempelbagaikan sumber protein dan pengeluaran makanan di negeri ini. Kerang boleh dijadikan sebagai sumber protein alternatif bagi menggantikan ikan dan daging kepada para pengguna. Pengeluaran kerang di Negeri Pulau Pinang sehingga bulan September tahun ini adalah sebanyak 130.63 metrik tan dengan nilai pengeluaran (harga borong) dianggarkan sebanyak RM1.3 juta. Pada masa kini, terdapat seramai 141 peserta penternak kerang bagi Fasa 1 dengan keluasan 1,050 hektar di Seberang Perai, Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dalam menjaga kebajikan, khususnya melibatkan golongan nelayan di Pulau Pinang. Antara inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri adalah melalui Program Bantuan Pukat yang telah diperkenalkan sejak tahun 2013. Inisiatif ini adalah bagi membantu nelayan di negeri ini untuk meningkatkan hasil tangkapan dan menambahkan sumber pendapatan mereka.

Bagi tahun ini, Kerajaan Negeri telah meneruskan Program Bantuan Pukat dengan pemberian bantuan pukat sebanyak RM400 secara sekali bayar atau *one-off* kepada 4,037 nelayan membabitkan kos sebanyak RM1.6 juta. Jumlah ini adalah merangkumi seramai 3,710 nelayan laut dan 327 nelayan sungai yang berlesen dan berdaftar dengan Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang. Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada Pejabat Daerah dan Tanah, Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Negeri Pulau Pinang, Jabatan Kewangan Negeri dan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri dalam membantu menjayakan program ini.

PERUNTUKAN BAJET MENGURUS DAN PEMBANGUNAN 2024

Bajet 2024 disediakan berdasarkan prinsip *outcome* dengan menitikberatkan keberhasilan kepada setiap perancangan negeri demi kesejahteraan rakyat. Walaupun menyedari limitasi kemampuan fiskal negeri yang memperlihatkan jurang defisit yang semakin melebar, Kerajaan Negeri tetap komited merangka dan melaksanakan projek dan program untuk memacu pertumbuhan sosioekonomi negeri dan seterusnya memastikan Visi Penang2030 berada pada landasan yang betul.

Tujuan Rang Undang-undang Perbekalan 2024 adalah untuk mendapat kuasa berkanun bagi membolehkan Kerajaan Negeri membuat Perbelanjaan Bekalan berjumlah **RM1,011,170,179 (Ringgit Malaysia: Satu Billion, Sebelas Juta, Seratus Tujuh Puluh Ribu, Seratus Tujuh Puluh Sembilan)** untuk dua puluh (20) jabatan bagi tahun 2024, seperti mana perincian pada Risalah Bilangan 7 Tahun 2023. Selain itu, peruntukan berjumlah **RM36,434,356 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Enam Juta, Empat Ratus Tiga Puluh Empat Ribu, Tiga Ratus Lima Puluh Enam)** diperlukan untuk Perbelanjaan Tanggungan bagi tiga (3) jabatan mengikut Undang- undang di bawah Kumpulan Wang

Disatukan. Oleh itu, jumlah keseluruhan Perbelanjaan Mengurus yang dianggarkan pada tahun 2024 adalah sebanyak **RM1,047,604,535 (Ringgit Malaysia: Satu Billion, Empat Puluh Tujuh Juta, Enam Ratus Empat Ribu, Lima Ratus Tiga Puluh Lima)**.

Oleh itu, Perbelanjaan Mengurus yang dicadangkan bagi tahun 2024, iaitu sebanyak **RM1.047 billion** menunjukkan peningkatan sebanyak **RM58.13 juta** berbanding tahun 2023. Peningkatan Perbelanjaan Mengurus tahun 2024 antara lain disebabkan oleh komitmen berterusan Kerajaan Negeri dalam mempergiat program-program yang berorientasikan rakyat, selain mengimbangi keperluan projek-projek pembangunan negeri.

Di bawah peruntukan Mengurus 2024, sejumlah **RM205.90 juta** adalah bagi Emolumen, **RM214.37 juta** bagi Perkhidmatan dan Bekalan, **RM3.38 juta** untuk perolehan Aset, **RM622.59 juta** bagi Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap dan **RM1.36 juta** disediakan untuk Perbelanjaan- perbelanjaan Lain.

Perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap kekal sebagai komponen terbesar mencakupi **59.43 peratus** daripada keseluruhan Perbelanjaan Mengurus. Jumlah ini termasuk caruman sejumlah **RM240 juta** kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri, sejumlah **RM110.45 juta** bagi program-program kebajikan negeri termasuk iSejahtera dan **RM98.50 juta** bagi penyediaan geran kepada anak-anak syarikat, badan berkanun negeri dan lain-lain agensi. Pertambahan peruntukan bagi objek- objek am secara dasarnya adalah bagi menampung keperluan kenaikan gaji tahunan, kenaikan kos bekalan dan keperluan menggantikan harta modal yang tidak lagi ekonomik.

Peningkatan belanja mengurus ini adalah pada tahap terkawal selaras dengan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengawal dan menerapkan disiplin dalam perbelanjaan secara berhemat. Bukti, **sehingga 15 November 2023**, perbelanjaan mengurus sebenar adalah sebanyak **RM709.20 juta** dan dijangka jauh berkurang berbanding unjuran perbelanjaan mengurus tahun 2023 sebanyak **RM989.47 juta**.

Kerajaan Negeri menganggarkan hasil yang boleh dikutip pada tahun 2024 adalah berjumlah **RM533,077,255 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus Tiga Puluh Tiga Juta, Tujuh Puluh Tujuh Ribu, Dua Ratus Lima Puluh Lima)** iaitu pertambahan sebanyak **RM10.73 juta** atau 2.05 peratus berbanding anggaran hasil tahun semasa 2023 sebanyak RM522.35 juta.

Komposisi hasil tahun 2024 terdiri daripada hasil cukai **RM167.91 juta** atau 31.50 peratus, hasil bukan cukai **RM277.92 juta** atau 52.13 peratus dan terimaan bukan hasil sebanyak **RM87.24 juta** atau 16.37 peratus. Peningkatan utama hasil sebanyak RM10.73 juta yang dijangkakan pada tahun 2024 adalah disebabkan oleh peningkatan unjuran hasil cukai, terutama cukai langsung dan juga hasil bukan cukai. Kerajaan Negeri akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kutipan hasil negeri dari semasa ke semasa. Sebagai makluman Dato' Speaker, sehingga **15 November 2023**, Kerajaan Negeri telah mengutip sejumlah **RM496.17 juta** hasil secara keseluruhan.

Mengambil kira jangkaan hasil tahun 2024 berjumlah RM533.08 juta berbanding Perbelanjaan Mengurus sebanyak RM1,047.60 juta, akan menjadikan Bajet 2024 mengalami defisit sebanyak **RM514.52 juta**. Nilai defisit ini bertambah sebanyak RM47.41 juta berbanding defisit tahun 2023 yang berjumlah **RM467.12 juta**. Namun mengambil kira janji Kerajaan Negeri yang akan sentiasa berusaha dan berikhtiar untuk melonjakkan pembangunan negeri di samping memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa dipelihara, maka bajet berdefisit perlu dilaksanakan. Anggaran defisit atau kekurangan RM514.53 juta yang dijangka dalam Bajet 2024 akan dibiayai daripada rizab kerajaan negeri, termasuk Akaun Amanah Disatukan yang berbaki sebanyak **RM1.67 bilion** pada 15 November 2023.

Ingin saya tegaskan di sini bahawa Kerajaan Negeri komited dan serius dalam usaha mempelopori penjanaan pendapatan baharu menerusi lain-lain sumber demi terus memacu pembangunan negeri ini secara menyeluruh. Antaranya, menerusi liputan atas talian media perdana, Bernama pada 15 November 2023 bertajuk '*Petronas maps hydrocarbon potential near Langkasuka Basin*', eksplorasi dan pemetaan hidrokarbon seismic membabitkan sumber minyak serta gas yang berkualiti tinggi kini sedang dijalankan di perairan Pulau Pinang, dan ia dijangka selesai pada penghujung tahun ini. Saya dimaklumkan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri bahawa syarikat minyak dan gas multinasional negara yang merupakan pihak yang melaksanakan kajian berkaitan akan membentangkan hasil penemuan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Pulau Pinang kelak.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut terangsang untuk mencari pendekatan sebagaimana Kerajaan Persekutuan dalam menuju peralihan kepada Tenaga Boleh Baharu (TBB). Walaupun sistem bekalan elektrik semasa yakni sistem grid mendominasi secara keseluruhan membabitkan pelbagai sektor, perancangan sumber baharu seperti '*solar fotovoltaic*' (*battery storage*), hidrogen serta beberapa sumber bekalan tenaga ke arah mencapai tenaga hijau turut berada dalam perancangan. Kerajaan Negeri turut merancang untuk membina ladang solar, solar terapung (*floating solar*) dan solar atas bumbung di lokasi-lokasi strategik pada tempoh tahun 2024 sehingga 2030 bagi mengurangkan pelepasan karbon dioksida dan menggunakan pendekatan TBB membabitkan lokasi-lokasi industri padat. Bagi premis kerajaan, pelaksanaan pemasangan solar atas bumbung juga bakal dilaksanakan pada tempoh sama dengan sasaran penjimatan 30 hingga 40 peratus bil elektrik berbanding kini.

Dalam bidang hartanah, sains dan teknologi, anak serta syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan Negeri (GLC) digalakkan untuk terus menerokai sumber-sumber baharu dan diberi hala tuju baharu supaya lebih bersifat '*Enterprises Agencies*'. Penekanan ini tertumpu dengan meningkatkan '*capacity building*' dalam kalangan pegawai-pegawai dilatih supaya dalam tempoh lima (5) tahun kemudian, sektor berkenaan dapat membawa peningkatan pulangan demi merealisasikan Visi Penang2030.

Bajet Pembangunan Tahun 2024 yang dicadangkan adalah berjumlah **RM374,718,160** (Ringgit Malaysia: Tiga Ratus Tujuh Puluh Empat Juta, Tujuh Ratus Lapan Belas Ribu, Seratus Enam Puluh) bagi sembilan (9) jabatan negeri seperti perincian di Risalah Bil. No. 7 Tahun 2023. Sumber bagi Perbelanjaan Pembangunan ini adalah melibatkan punca negeri sebanyak **RM353.12 juta** dan pemberian Kerajaan Persekutuan yang dianggarkan sebanyak **RM21.60 juta**. Bajet Pembangunan tahun 2024 adalah meningkat sebanyak RM47.96 juta atau 14.68 peratus, berbanding tahun 2023 yang berjumlah RM326.76 juta.

Peruntukan pembangunan tertinggi adalah disediakan di bawah Vot P01 berjumlah **RM197.76 juta**. Bajet ini merangkumi peruntukan bagi projek *Gurney Bay* berjumlah **RM80 juta**, Pembangunan Sukan dan Kawasan Lapang berjumlah **RM15.3 juta**, PTMP berjumlah **RM21.23 juta**, Pembangunan Rancangan Perumahan Murah berjumlah **RM6 juta**, Projek Khas Ekonomi berjumlah **RM15.05 juta** dan lain-lain projek pembangunan. Selain itu, Kerajaan Negeri turut menyediakan peruntukan pinjaman kepada PDC bagi menampung sebahagian kos projek GBS *By The Sea* berjumlah **RM15 juta** di bawah Vot P01 pada tahun 2024.

Kerajaan Negeri berjanji akan meneruskan amalan tadbir urus berdasarkan prinsip Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT) bagi mengekalkan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang mempunyai kepimpinan yang bersih dan dinamik.

PENJAWAT AWAM JENTERA PEMBANGUNAN NEGERI

Kerajaan Negeri amat bertuah kerana memiliki barisan penjawat awam yang berdedikasi, berintegriti dan komited dalam memastikan dasar-dasar Kerajaan Negeri dilaksanakan secara berkesan. Sebagai apresiasi dan penghargaan kepada penjawat awam negeri, saya meluluskan bayaran Bantuan Khas Kewangan (BKK) sebanyak **setengah bulan gaji, minimum RM1,000**. Bayaran BKK ini melibatkan **3,867 penjawat awam negeri** dengan implikasi kewangan berjumlah RM6.045 juta

Di samping itu, seperti tahun-tahun sebelum ini, pemberian sebanyak RM300 seorang akan disalurkan kepada Penyelia dan Guru KAFA, Guru Sekolah Rendah Agama Rakyat, Guru Sekolah Menengah Agama Rakyat dan Guru serta Staf Sekolah Persendirian Cina. Pemberian sebanyak RM300 ini juga turut dipanjangkan kepada Guru Tahfiz, Guru Pondok dan Guru TADIS Negeri Pulau Pinang yang akan melibatkan tambahan perbelanjaan berjumlah RM1.005juta. Bayaran BKK dan pemberian ini akan dibuat pada bulan Disember 2023.

HARAPAN KERAJAAN NEGERI

Saya sekali lagi menegaskan bahawa Kerajaan Negeri beriltizam dalam meneruskan aspirasi dan gagasan Visi Penang2030 iaitu ke arah merealisasikan Pulau Pinang sebagai sebuah Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara. Saya bersama-sama dengan barisan kepimpinan pada hari ini serta semua anggota perkhidmatan awam akan terus tekad dan berdiri teguh di bawah naungan Tuan Yang Terutama Tun dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan dengan penuh berintegriti demi menjamin kedaulatan dan kemakmuran negeri ini agar seluruh rakyat Negeri Pulau Pinang akan terus bernafas dalam sejahtera, aman dan bahagia.

PENUTUP

Pada kesempatan ini, saya dan seluruh kepimpinan Kerajaan Negeri ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzy bin Haji Abdul Razak atas kepercayaan serta sokongan yang telah diberikan kepada kepimpinan ini. Semoga seluruh jentera pentadbiran negeri dapat terus menggembangkan tenaga dalam menjayakan dasar-dasar Kerajaan Negeri dan memberi perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat Negeri Pulau Pinang.

Sesungguhnya, atas semangat “bersatu teguh, bercerai roboh”, saya percaya serta yakin, kesetiaan dan penggembangan tenaga secara bersepada daripada seluruh rakyat Pulau Pinang, Visi Penang2030 dapat direalisasikan dengan jayanya. Sekian, Dato' Speaker,

Saya mohon mencadangkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat menepuk meja.)

YB. Timbalan Ketua Menteri I menyokong.

4. ANGGARAN PEMBANGUNAN TAHUN 2024

Y.A.B. Ketua Menteri mohon mencadangkan bahawa Dewan meluluskan perbelanjaan sebanyak RM374,718,160.00 yang tertera di dalam anggaran Pembangunan Tahun 2024

YB. Timbalan Ketua Menteri I menyokong.

5. PENANGGUHAN

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri telah memaklumkan bahawa perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan Tahun 2024 dan usul anggaran Pembangunan Tahun 2024 pada 27 November 2023 hari Isnin jam 9.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.30 pagi.

MINIT PERSIDANGAN

MESYUARAT KEDUA PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KELIMA BELAS

Tarikh : 27 NOVEMBER 2023 (ISNIN)

Masa : 9.30 Pagi

**Tempat : Dewan Persidangan
Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.**

HADIR

BIL	NAMA	JAWATAN / KAWASAN
1	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
2	Y.A.B. Chow Kon Yeow	Ketua Menteri / Padang Kota
3	YB. Prof. Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid	Timbalan Ketua Menteri I / Batu Maung
4	YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh	Timbalan Ketua Menteri II / Datok Keramat
5	YB. Rashidi bin Zinol	Sungai Acheh
6	YB. Zairil Khir Johari	Tanjong Bunga
7	YB. Wong Hon Wai	Paya Terubong
8	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
9	YB. H'ng Mooi Lye	Jawi
10	YB. Daniel Gooi Zi Sen	Padang Lalang
11	YB. Dato' Seri Sundarajoo a/l Somu	Perai
12	YB. Fahmi bin Zainol	Pantai Jerejak
13	YB. Dato'Azrul Mahathir bin Aziz	Timbalan YDP DUN / Bayan Lepas
14	YB. Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican	Bertam
15	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
16	YB. Goh Choon Aik	Bukit Tambun
17	YB. Kumaresan a/l Aramugam	Batu Uban
18	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk

BIL	NAMA	JAWATAN / KAWASAN
19	YB. Heng Lee Lee	Berapit
20	YB. Ong Ah Teong	Batu Lancang
21	YB. Joseph Ng Soon Siang	Air Itam
22	YB. Wong Yuee Harng	Pengkalan Kota
23	YB. Chee Yeeh Keen	Bagan Jermal
24	YB. Connie Tan Hooi Peng	Seri Delima
25	YB. Joshua Woo Sze Zeng	Pulau Tikus
26	YB. Lee Boon Heng	Kebun Bunga
27	YB. Kumaran a/l Krishnan	Bagan Dalam
28	YB. Phee Syn Tze	Sungai Puyu
29	YB. Muhamad Fauzi bin Yusoff	Sungai Dua
30	YB. Zulkefli bin Bakar	Penanti
31	YB. Mohd. Yusni bin Mat Piah	Penaga
32	YB. Bukhori bin Ghazali	Pinang Tunggal
33	YB. Azmi bin Alang	Telok Ayer Tawar
34	YB. Amir Hamzah bin Abdul Hashim @ Md Hashim	Permatang Pasir
35	YB. Izhar Shah bin Datuk Arif Shah	Seberang Jaya
36	YB. Mohd. Sobri bin Saleh	Permatangan Berangan
37	YB. Kol. (B) Muhamad bin Kasim	Telok Bahang
38	YB. Nor Zamri bin Latiff	Sungai Bakap
39	YB. Haji Mohamad Shukor bin Zakariah	Pulau Betong

TIDAK HADIR

Bil.	Nama	Jawatan
1	YB. Lim Guan Eng	Air Putih
2	YB. Gooi Hsiao-Leung	Bukit Tengah

**AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A
PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.**

Bil.	Nama	Jawatan
1	YB. Dato' Haji Rosli bin Isa	Setiausaha Kerajaan Negeri
2	YB. Dato' Roslinda binti Mohd Shafie	Penasihat Undang–Undang Negeri
3	YB. Dato' Zabidah binti Safar	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Puan Hasma binti Hashim - Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Encik Meor Hamzah bin Abdullah Sani - Timbalan Setiausaha
Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi.

1. BACAAN DOA

2. SOALAN LISAN

Ahli Pawasan Permatang Pasir (YB. Amir Hamzah bin Abdul Hashim @ Md. Hashim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

38. Adakah laluan keluar masuk kondominium Green View Seberang Jaya ke Taman Wakaf Setee Aishah telah digazetkan?
(a) Apakah laluan keluar masuk ini telah mendapat persetujuan penduduk?
(b) Adakah Majlis Agama Islam Pulau Pinang telah membenarkan tanah wakaf dijadikan laluan keluar masuk untuk projek tersebut?.

Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

39. Nyatakan senarai tanah-tanah 'Penang Development Corporation' (PDC) yang diberikan kepada pihak swasta untuk dibangunkan semula sebagai tanah perindustrian untuk menarik pelaburan.
(a) Adakah PDC tetap akan memainkan peranan utamanya membuka dan membangunkan tanah perindustrian sama ada dengan sendirinya atau secara usaha sama (*joint venture*)?.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng SoonSiang) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

40. Menjelang tahun 2040, Pulau Pinang akan mempunyai kadar warga emas terbesar di Malaysia di mana sekitar 26.2 peratus daripada penduduk akan berusia 60 tahun atau lebih. Berikan maklumat tentang persediaan yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan senaraikan dasar-dasar serta rancangan yang berkaitan secara terperinci..

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Mohamad Shukor bin Zakariah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

41. Apakah status pembinaan asrama warga asing di Teluk Kumbar?
(a) Berapakah jumlah pekerja warga asing yang akan ditempatkan di situ?
(b) Adakah kerajaan bercadang untuk mengubah lokasi pembinaan ke tempat lain?

Ahli Kawasan Penanti (YB. Zulkefli bin Bakar) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

42. Apakah asas dan garis panduan mengenai larangan mengajar/ berdakwah di atas 16 pendakwah di Pulau Pinang termasuk Ustaz Kazim Elias berikut arahan daripada pihak berkenaan serta mengambil keputusan bagi tidak lagi mengajar di Pulau Pinang?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Chee Yeeh Keen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

43. Adakah Kerajaan Negeri akan mengambil langkah untuk mengkaji semula semua sistem perparitan misalnya yang melebihi 30 tahun supaya boleh dinaik taraf untuk menampung kapasiti hujan masa kini?.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Izhar Shah bin Datuk Arif Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

44. Bagi membuktikan keterbukaan pentadbiran Kerajaan Negeri menerusi Majlis-majlis Bandaraya dalam negeri Pulau Pinang dan Seberang Perai, adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk memberikan kuota pelantikan Ahli Majlis kepada Wakil / Parti Pembangkang untuk menduduki jawatan tersebut dalam MBSP / MBPP?.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

45. Nyatakan status pelaksanaan projek pelebaran jalan raya dari Auto-City sehingga persimpangan lampu isyarat kawasan perindustrian ringan Juru yang menerima banyak aduan awam kelambatan projek tersebut.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (YB. Nor Zamri bin Latiff) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

46. Apakah kriteria pemberian tauliah sementara kepada penceramah jemputan di masjid-masjid atau surau-surau di Pulau Pinang?
- (a) Senaraikan nama penceramah kontroversi yang dihalang untuk menyampaikan kuliah di masjid-masjid seluruh Pulau Pinang.
 - (b) Senaraikan penceramah yang memohon tauliah sejak tahun 2018 hingga 2022 tetapi belum diluluskan sehingga sekarang.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB.Muhammad Fauzi bin Yusoff) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

47. Sejauh manakah pembuangan sisa loji rawatan air (LRA) Bukit Toh Alang di Sungai Kulim memberi kesan terhadap air yang dipam di Rumah Pam Mak Sulong untuk simpanan air mentah di Empangan Mengkuang?
- (a) Apakah persediaan Kerajaan Negeri menghadapi fenomena 'El Nino' yang menjelaskan bekalan air untuk penduduk Pulau Pinang?

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni bin Mat Piah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

48. Berapakah peruntukan setahun Kerajaan Negeri kepada ADUN-ADUN Kerajaan Negeri bagi setiap DUN?

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB, Mohd Sobri bin Saleh) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

49. Nyatakan usaha dan pelan tindakan Kerajaan Negeri dalam memastikan keterjaminan makanan untuk rakyat Pulau Pinang terutama dalam memperkasakan sektor tanaman padi, sayur-sayuran, penternakan dan nelayan..

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB Bukhori bin Ghazali) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

50. Bilangan penduduk di DUN Pinang Tunggal meningkat secara drastik, apakah usaha Kerajaan Negeri dalam membina klinik kesihatan di DUN ini?
- (a) Berapakah nisbah seorang doktor berbanding penduduk di Pulau Pinang dan di DUN Pinang Tunggal sekarang?

(b) Apakah usaha akan dilakukan jika nisbah tersebut tidak tercapai?.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

51. Nyatakan status dan pelan infrastruktur stesen pengecasan kenderaan elektrik dalam negeri.

(a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri menggalakkan penggunaan kenderaan elektrik?.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Kumaran a/l Krishnan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

52. Apakah usaha jangka masa pendek yang akan diambil untuk mengatasi isu kesesakan jalan raya yang teruk di seluruh negeri Pulau Pinang khususnya dari Butterworth dan Seberang Jaya menghala ke seberang Pulau seperti Bayan Lepas dan George Town?

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y. Goh Choon Aik) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

53. Huraikan kapasiti harian pengeluaran air terawat di Loji Sungai Dua.

(a) Huraikan kapasiti efektif air bulanan di Empangan Teluk Bahang dan Empangan Air Itam.

(b) Apakah status loji rawatan air di Empangan Mengkuang dan laluan air ke Loji Sungai Dua?

(c) Perincikan status projek tangani bekalan air di SPS..

3. TAMAT SOALAN LISAN

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri memaklumkan 1 jam 30 minit soalan lisan sudah tamat selaras dengan Subperaturan 26(7) dan semua jawapan yang telah dijawab akan diletakkan di atas meja ahli yang bertanya dan akan dimasukkan di dalam Penyata Rasmi.

4. PERSIDANGAN DILANJUTKAN

Y.A.B. Ketua Menteri memohon dibawah Peraturan 6A(1), Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang supaya sidang Dewan dilanjutkan sehingga jam 6.30 petang.

5. PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAHUN UNTUK 2024 DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN TAHUN 2024

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhammad Fauzi bin Yusoff) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Zulkefli bin Bakar) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Dewan ditangguhkan pada jam 12.15 tengah hari

Dewan disambung semula pada jam 2.00 petang

Ahli Kawasan KOMTAR (YB.Teh Lai Heng) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Mohd Sobri bin Saleh) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Azmi bin Alang) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Wong Yuee Harng) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Kumaran a/l Krishnan) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Amir Hamzah bin Abdul Hashim @ Md Hashim) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Lee Boon Heng) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tan Hooi Peng) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan a/l Aramugam) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.20 petang.

MINIT PERSIDANGAN

MESYUARAT KEDUA PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KELIMA BELAS

Tarikh : 28 NOVEMBER 2024 (SELASA)

Masa : 9.30 Pagi

**Tempat : Dewan Persidangan
Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.**

HADIR

BIL	NAMA	JAWATAN / KAWASAN
1	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
2	Y.A.B. Chow Kon Yeow	Ketua Menteri / Padang Kota
3	YB. Prof. Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid	Timbalan Ketua Menteri I / Batu Maung
4	YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh	Timbalan Ketua Menteri II / Datok Keramat
5	YB. Rashidi bin Zinol	Sungai Acheh
6	YB. Zairil Khir Johari	Tanjong Bunga
7	YB. Wong Hon Wai	Paya Terubong
8	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
9	YB. H'ng Mooi Lye	Jawi
10	YB. Daniel Gooi Zi Sen	Padang Lalang
11	YB. Dato' Seri Sundarajoo a/l Somu	Perai
12	YB. Fahmi bin Zainol	Pantai Jerejak
13	YB. Dato' Azrul Mahathir bin Aziz	Timbalan YDP DUN / Bayan Lepas
14	YB. Lim Guan Eng	Air Putih
15	YB. Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican	Bertam
16	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
17	YB. Goh Choon Aik	Bukit Tambun
18	YB. Kumaresan a/l Aramugam	Batu Uban
19	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk

BIL	NAMA	JAWATAN / KAWASAN
20	YB. Heng Lee Lee	Berapit
21	YB. Gooi Hsiao-Leung	Bukit Tengah
22	YB. Ong Ah Teong	Batu Lancang
23	YB. Joseph Ng Soon Siang	Air Itam
24	YB. Wong Yuee Harng	Pengkalan Kota
25	YB. Chee Yeeh Keen	Bagan Jermal
26	YB. Joshua Woo Sze Zeng	Pulau Tikus
27	YB. Lee Boon Heng	Kebun Bunga
28	YB. Kumaran a/l Krishnan	Bagan Dalam
29	YB. Phee Syn Tze	Sungai Puyu
30	YB. Muhamad Fauzi bin Yusoff	Sungai Dua
31	YB. Zulkefli bin Bakar	Penanti
32	YB. Mohd. Yusni bin Mat Piah	Penaga
33	YB. Bukhori bin Ghazali	Pinang Tunggal
34	YB. Azmi bin Alang	Telok Ayer Tawar
35	YB. Amir Hamzah bin Abdul Hashim @ Md Hashim	Permatang Pasir
36	YB. Izhar Shah bin Datuk Arif Shah	Seberang Jaya
37	YB. Mohd. Sobri bin Saleh	Permatangan Berangan
38	YB. Kol. (B) Muhamad bin Kasim	Telok Bahang
39	YB. Nor Zamri bin Latiff	Sungai Bakap
40	YB. Haji Mohamad Shukor bin Zakariah	Pulau Betong

TIDAK HADIR

Bil.	Nama	Jawatan
1	YB. Connie Tan Hooi Peng	Seri Delima

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

Bil.	Nama	Jawatan
1	YB. Dato' Haji Rosli bin Isa	Setiausaha Kerajaan Negeri
2	YB. Dato' Roslinda binti Mohd Shafie	Penasihat Undang–Undang Negeri
3	YB. Dato' Zabidah binti Safar	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Puan Hasma binti Hashim Encik Meor Hamzah bin Abdullah Sani	-	Setiausaha Dewan Undangan Negeri Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri
--	---	--

Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi.

1. BACAAN DOA

2. SOALAN LISAN

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

54. Had tempoh Ketua Menteri dua (2) penggal.
- (a) Terangkan kewajaran dan kepentingan untuk menggubal Enakmen Bekas Ketua Menteri bagi memastikan 'Code of Conducts' bagi seseorang Bekas Ketua Menteri selaras dengan Perlembagaan Negeri.
 - (b) Nyatakan peranan dan tanggungjawab yang perlu dimainkan oleh Bekas Ketua Menteri demi kepentingan negeri dan rakyat Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Teluk Bahang (YB. Muhamad bin Kasim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

55. Bolehkah perkhidmatan bas Rapid Penang dari Balik Pulau ke Telok Bahang diaktifkan semula? Ini disebabkan perhubungan aktiviti sehari-hari boleh berjalan seperti biasa, merangkumi aspek perkhidmatan kesihatan dan para pelajar sekolah.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tan Hooe Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

56. Kesan perubahan iklim semakin ketara dirasai dengan cuaca tidak menentu akhir-akhir ini. Apakah strategi pembendungan perubahan iklim Kerajaan Negeri?
- (a) Kesan perubahan iklim juga menimbulkan isu banjir setiap kali hujan, adakah terdapat penyelesaian yang lebih baik? Contohnya, menangani secara menyeluruh isu sistem perparitan Pulau Pinang / isu pembangunan tanah.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Wong Yuee Harng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

57. Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap RMM B yang disewa kepada warga asing bagi projek baru kurang daripada 10 tahun?
- (a) Huraikan data RMM B yang disewa kepada warga asing sejak tahun 2018.
 - (b) Adakah pemilik RMM B memiliki rumah lain selain daripada unit disewa kepada warga asing?
 - (c) Apakah langkah untuk mengelakkan isu berulang?

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan a/l Aramugam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

58. Apakah status terkini mengenai sumber air daripada negeri Perak?
 - (a) Adakah satu analisis kos dan kajian telah dibuat mengenai pengambilan sumber air selain daripada negeri Perak?
 - (b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan sumber air sentiasa mencukupi dengan mengambil kira pertambahan penduduk dan juga Pulau yang baru?

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

59. Sebagai hab teknologi dan industri, nyatakan pelaburan sektor pengeluaran dan pewujudan peluang pekerjaan yang dianggarkan dari tahun 2011 hingga 2022.
 - (a) Apakah sektor penyumbang utama kepada sektor pembuatan?
 - (b) Siapa pihak pelabur baru sejak tahun 2019 dan dalam bidang apa?.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Lee Boon Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

60. Keganasan rumah tangga.
 - (a) Apakah statistik kes keganasan rumah tangga di Pulau Pinang yang melibatkan perempuan dan lelaki?
 - (b) Apakah rancangan pihak berkuasa dalam menangani isu ini?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Syn Tze) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

61. Apakah status terkini Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekitar (EIA) bagi projek terowong dasar laut yang dirancang bermula dari Bagan Ajam sehingga ke Persiaran Gurney?
 - (a) Nyatakan secara terperinci kesan sosial kepada penduduk setempat.
 - (b) Apakah langkah-langkah mitigasi yang akan dilaksanakan sepanjang kerja-kerja pembinaan dilaksanakan berdekatan kawasan perumahan?

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

62. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mengalakkan lebih banyak penerbangan terus ke Pulau Pinang bagi meningkatkan sektor pelancongan di negeri ini?

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

62. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mengalakkan lebih banyak penerbangan terus ke Pulau Pinang bagi meningkatkan sektor pelancongan di negeri ini?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Amir Hamzah bin Abdul Hashim @ Md. Hashim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

63. Apakah status rumah Pangsa Pasir Indah di DUN Permatang Pasir telah mendapat kebenaran menduduki?
 - (a) Adakah projek PPRT atau asrama warga asing?

Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

64. Nyatakan sama ada Kerajaan Negeri akan menerima dan memberikan layanan kepada surat-surat rasmi dalam Bahasa Inggeris.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng SoonSiang) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

65. Berapakah unit peranti defibrillator luaran automatik (AED) yang telah dipasang sehingga kini di seluruh negeri Pulau Pinang? Nyatakan secara terperinci jumlah unit yang dipasang oleh Kerajaan Negeri dan pihak NGO masing-masing.

- (a) Apakah sasaran pemasangan AED yang akan disediakan oleh Kerajaan Negeri dalam tempoh lima (5) tahun yang akan datang?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Mohamad Shukor bin Zakariah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

66. Apakah langkah kerajaan untuk mengatasi masalah laluan tertutup akibat timbunan tanah selut di semua kuala dalam DUN Pulau Betong?

- (a) Adakah kerajaan memberikan peruntukan tambahan atau peruntukan khas bagi mengatasi masalah ini memandangkan kejadian ini berulang setiap tahun?

Ahli Kawasan Penanti (YB. Zulkefli bin Bakar) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

67. Apakah perincian mengenai ranangan pembangunan LRT Pulau Pinang ke Seberang Perai berjumlah RM10 Bilion serta kaedah pelaksanaannya?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Chee Yeeh Keen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

68. Apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan kerja pembinaan konraktor terutamanya melibatkan skim perumahan kos rendah, os sederhana dan mampu milik dilaksanakan mengikut skop dan berkualiti?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Izhar Shah bin Datuk Arif Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 69.. Adakah Kerajaan Negeri masih mengamalkan prinsip '*Competency, Accountability & Transparency*' (C.A.T.) dalam pentadbiran Kerajaan Negeri?

- (a) Jika ya, adakah Kerajaan Negeri akan melaporkan dalam Portal Rasmi Kerajaan Negeri semua keputusan mesyuarat EXCO dan agensi-agensi Kerajaan Negeri termasuk minit keputusan mesyuarat Majlis-majlis Kerajaan Tempatan?

3. TAMAT SOALAN LISAN

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri memaklumkan 1 jam 30 minit soalan lisan sudah tamat selaras dengan Subperaturan 26(7) dan semua jawapan yang telah dijawab akan diletakkan di atas meja ahli yang bertanya dan akan dimasukkan di dalam Penyata Rasmi.

4. PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAHUN 2024 DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN TAHUN 2024

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni bin Mat Piah) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Chee Yeeh Keen) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Dewan ditangguhkan pada jam 12.30 tengah hari.

Dewan bersambung semula pada jam 2.00 petang.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (YB. Nor Zamri bin Latiff) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Izhar Shah bin Datuk Arif Shah) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Joshua Woo Sze Zeng) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Mohamad Shukor bin Zakariah) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Muhammad bin Kasim) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Syn Tze) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Chee Yeeh Keen) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Bukhori bin Gahzali) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.10 petang.

MINIT PERSIDANGAN

MESYUARAT KEDUA PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KELIMA BELAS

Tarikh : 29 NOVEMBER 2023 (RABU)

Masa : 9.30 Pagi

**Tempat : Dewan Persidangan
Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.**

HADIR

BIL	NAMA	JAWATAN / KAWASAN
1	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
2	Y.A.B. Chow Kon Yeow	Ketua Menteri / Padang Kota
3	YB. Prof. Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid	Timbalan Ketua Menteri I / Batu Maung
4	YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh	Timbalan Ketua Menteri II / Datok Keramat
5	YB. Rashidi bin Zinol	Sungai Acheh
6	YB. Zairil Khir Johari	Tanjong Bunga
7	YB. Wong Hon Wai	Paya Terubong
8	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
9	YB. H'ng Mooi Lye	Jawi
10	YB. Daniel Gooi Zi Sen	Padang Lalang
11	YB. Dato' Seri Sundarajoo a/l Somu	Perai
12	YB. Fahmi bin Zainol	Pantai Jerejak
13	YB. Dato' Azrul Mahathir bin Aziz	Timbalan YDP DUN / Bayan Lepas
14	YB. Lim Guan Eng	Air Putih
15	YB. Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican	Bertam
16	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
17	YB. Goh Choon Aik	Bukit Tambun
18	YB. Kumaresan a/l Aramugam	Batu Uban
19	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk

BIL	NAMA	JAWATAN / KAWASAN
20	YB. Heng Lee Lee	Berapit
21	YB. Gooi Hsiao-Leung	Bukit Tengah
22	YB. Ong Ah Teong	Batu Lancang
23	YB. Joseph Ng Soon Siang	Air Itam
24	YB. Wong Yuee Harng	Pengkalan Kota
25	YB. Chee Yeeh Keen	Bagan Jermal
26	YB. Connie Tan Hooi Peng	Seri Delima
27	YB. Joshua Woo Sze Zeng	Pulau Tikus
28	YB. Lee Boon Heng	Kebun Bunga
29	YB. Kumaran a/l Krishnan	Bagan Dalam
30	YB. Phee Syn Tze	Sungai Puyu
31	YB. Muhamad Fauzi bin Yusoff	Sungai Dua
32	YB. Zulkefli bin Bakar	Penanti
33	YB. Mohd. Yusni bin Mat Piah	Penaga
34	YB. Bukhori bin Ghazali	Pinang Tunggal
35	YB. Azmi bin Alang	Telok Ayer Tawar
36	YB. Amir Hamzah bin Abdul Hashim @ Md Hashim	Permatang Pasir
37	YB. Izhar Shah bin Datuk Arif Shah	Seberang Jaya
38	YB. Mohd. Sobri bin Saleh	Permatangan Berangan
39	YB. Kol. (B) Muhamad bin Kasim	Telok Bahang
40	YB. Nor Zamri bin Latiff	Sungai Bakap
41	YB. Haji Mohamad Shukor bin Zakariah	Pulau Betong

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

Bil.	Nama	Jawatan
1	YB. Dato' Haji Rosli bin Isa	Setiausaha Kerajaan Negeri
2	YB. Dato' Roslinda binti Mohd Shafie	Penasihat Undang–Undang Negeri
3	YB. Dato' Zabidah binti Safar	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Puan Hasma binti Hashim - Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Encik Meor Hamzah bin Abdullah Sani - Timbalan Setiausaha
Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi.

1. BACAAN DOA

2. SOALAN LISAN

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

70. Nyatakan pencapaian dan rancangan masa depan kerajaan untuk membangunkan Pulau Pinang sebagai negeri yang paling hijau seperti dalam sektor awam, perumahan, sumber tenaga yang boleh diperbaharui (RE) dan kenderaan elektrik (EV).

Ahli Kawasan Sungai Bakap (YB. Nor Zamri bin Latiff) bartanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

71. Senaraikan bilangan pemohon kewarganegaraan dan bilangan pemohon yang telah diluluskan berdasarkan asal negara pemohon dari tahun 2021 hingga kini.
- (a) Senaraikan syarat-syarat yang melayakkan mereka memohon warganegara Malaysia.
 - (b) Senaraikan pihak dan agensi yang terlibat dalam meluluskan kewarganegaraan ini di Pulau Pinang..

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhammad Fauzi bin Tusoff) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

72. Apakah perkembangan terkini projek LRT di Pulau Pinang?
- (a) Syarikat manakah yang akan terlibat dan berapa lamakah projek ini akan mengambil masa untuk disiapkan?
 - (b) Terangkan bagaimana projek ini akan dibuat bawah tanah dan di dasar laut..

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni bin Mat Piah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

73. Apakah perkembangan terkini projek hospital patuh syariah di Bayan Baru?
- (a) Apakah pelan Kerajaan Negeri dalam memastikan projek ini dapat disiapkan?

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Mohd Sobri bin Saleh) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

74. Senaraikan bilangan kelulusan lesen penjaja di Pulau Pinang dari tahun 2018 hingga 2023 mengikut bangsa dan DUN.
- (a) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam membantu memudahkan urusan mendapatkan lesen tersebut?

3. PENGGULUNGAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAHUN 2024 DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN TAHUN 2024

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Fahmi bin Zainol) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Ahli Kawasan Perai (YB. Dato' Seri Sunderajoo a/l Somu) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Gooi Zi Sen) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Wong Hon Wai) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Rashidi bin Zinol) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

YB. Timbalan Ketua Menteri II mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Dewan ditangguhkan pada jam 4.30 petang.

MINIT PERSIDANGAN

MESYUARAT KEDUA PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KELIMA BELAS

Tarikh : 30 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

Masa : 9.30 Pagi

**Tempat : Dewan Persidangan
Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.**

HADIR

BIL	NAMA	JAWATAN / KAWASAN
1	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
2	Y.A.B. Chow Kon Yeow	Ketua Menteri / Padang Kota
3	YB. Prof. Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid	Timbalan Ketua Menteri I / Batu Maung
4	YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh	Timbalan Ketua Menteri II / Datok Keramat
5	YB. Rashidi bin Zinol	Sungai Acheh
6	YB. Zairil Khir Johari	Tanjong Bunga
7	YB. Wong Hon Wai	Paya Terubong
8	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
9	YB. H'ng Mooi Lye	Jawi
10	YB. Daniel Gooi Zi Sen	Padang Lalang
11	YB. Dato' Seri Sundarajoo a/l Somu	Perai
12	YB. Fahmi bin Zainol	Pantai Jerejak
13	YB. Dato' Azrul Mahathir bin Aziz	Timbalan YDP DUN / Bayan Lepas
14	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
15	YB. Goh Choon Aik	Bukit Tambun
16	YB. Kumaresan a/l Aramugam	Batu Uban
17	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
18	YB. Heng Lee Lee	Berapit
19	YB. Gooi Hsiao-Leung	Bukit Tengah

BIL	NAMA	JAWATAN / KAWASAN
20	YB. Ong Ah Teong	Batu Lancang
21	YB. Joseph Ng Soon Siang	Air Itam
22	YB. Wong Yuee Harng	Pengkalan Kota
23	YB. Chee Yeeh Keen	Bagan Jermal
24	YB. Connie Tan Hooi Peng	Seri Delima
25	YB. Joshua Woo Sze Zeng	Pulau Tikus
26	YB. Lee Boon Heng	Kebun Bunga
27	YB. Kumaran a/l Krishnan	Bagan Dalam
28	YB. Phee Syn Tze	Sungai Puyu
29	YB. Muhamad Fauzi bin Yusoff	Sungai Dua
30	YB. Zulkefli bin Bakar	Penanti
31	YB. Mohd. Yusni bin Mat Piah	Penaga
32	YB. Bukhori bin Ghazali	Pinang Tunggal
33	YB. Azmi bin Alang	Telok Ayer Tawar
34	YB. Amir Hamzah bin Abdul Hashim @ Md Hashim	Permatang Pasir
35	YB. Izhar Shah bin Datuk Arif Shah	Seberang Jaya
36	YB. Mohd. Sobri bin Saleh	Permatangan Berangan
37	YB. Kol. (B) Muhamad bin Kasim	Telok Bahang
38	YB. Nor Zamri bin Latiff	Sungai Bakap
39	YB. Haji Mohamad Shukor bin Zakariah	Pulau Betong

TIDAK HADIR

Bil.	Nama	Jawatan
1	YB. Lim Guan Eng	Air Putih
2	YB. Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican	Bertam

**AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A
PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.**

Bil.	Nama	Jawatan
1	YB. Dato' Haji Rosli bin Isa	Setiausaha Kerajaan Negeri
2	YB. Dato' Roslinda binti Mohd Shafie	Penasihat Undang–Undang Negeri
3	YB. Dato' Zabidah binti Safar	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Puan Hasma binti Hashim - Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Encik Meor Hamzah bin Abdullah Sani - Timbalan Setiausaha
Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi.

1. **BACAAN DOA**
2. **PENGGULUNGAN ATAS RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAHUN 2024 DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN TAHUN 2024**

YB. Timbalan Ketua Menteri I mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Y.A.B. Ketua Menteri mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

3. **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAHUN 2024**

Rang Undang-Undang Perbekalan Tahun 2024 dibacakan bagi kali kedua dan dipersetujui.

4. **JADUAL**

Kepala B.01 – Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan RM230,165,381

Kepala B.02 – Pejabat Tanah dan Galian – RM16,415,344

Kepala B.03 – Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Timur Laut – RM8,341,511.00

Kepala B.04 – Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Barat Daya – RM7,886,426.00

Kepala B.05 – Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Seberang Perai Utara – RM10,022,568.00

Kepala B.06 – Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Seberang Perai Tengah – RM9,837,854.00

Kepala B.07 – Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Seberang Perai Selatan – RM7,973,377.00

Kepala B.08 – Jabatan Pengairan dan Saliran – RM49,523,666.00

Kepala B.09 – Jabatan Perhutanan – RM4,208,905.00

Kepala B.10 – Jabatan Taman Botani – RM5,512,266.00

Kepala B.12 – Jabatan Keja Raya – RM43,705,415.00

Kepala B.13 – Jabatan Hal Ehwal Agama Islam – RM23,893,450.00

Kepala B.14 – Jabatan Kebajikan Masyarakat – RM11,380,452.00

Kepala B.15 – Jabatan Perancang Bandar dan Desa – RM5,174,750.00

Kepala B.16 – Jabatan Kewangan Negeri – RM544,753,065.00

Kepala B.17 – Jabatan Perkhidmatan Veterinar – RM7,918,494.00

Kepala B.18 – Jabatan Pertanian – RM9,541,287.00

Kepala B.19 – Jabatan Mufti – RM3,524,189.00

Kepala B.20 – Jabatan Kehakiman Syariah – RM9,433,079.00

Kepala B.21 – Jabatan Pendakwaan Syariah - RM1,958,700.00

Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi membenarkan sejumlah wang daripada wang disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2024 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Y.A.B. Ketua Menteri telah memohon bahawa Rang Undang-Undang Perbekalan Tahun 2024 yang dipertimbangkan sefasal demi sefasal dalam Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan dan diluluskan.

Rang Undang-Undang telah dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

Usul dipersetujui.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri memaklumkan bahawa Dewan ini meluluskan perbelanjaan sebanyak RM374,718,160.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Ratus Tujuh Puluh Empat Juta Tujuh Ratus Lapan Belas Ribu Satu Ratus Enam Puluh sahaja) yang tertera dalam Anggaran Pembangunan Tahun 2024 yang dibentangkan sebagai Risalah Dewan Bilangan 7 Tahun 2023 dan menetapkan bahawa jumlah yang tersebut hendaklah diguna bagi tujuan-tujuan yang ditetapkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2024.

Usul dipersetujui.

5. USUL PELANTIKAN JAWATANKUASA TETAP DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KELIMA BELAS

AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA KERAJAAN

Yang Berhormat Muhammad Fauzi bin Yusoff	-	Pengerusi
Yang Berhormat Teh Lai Heng	-	Ahli
Yang Berhormat Heng Lee Lee	-	Ahli
Yang Berhormat Wong Yuee Harng	-	Ahli
Yang Berhormat Tan Hooi Peng	-	Ahli
Yang Berhormat Joshua Woo Sze Zeng	-	Ahli
Yang Berhormat Goh Choon Aik	-	Ahli
Yang Berhormat Lee Khai Loon	-	Ahli
Yang Berhormat Bukhori bin Ghazali	-	Ahli
Yang Berhormat Zulkefli bin Bakar	-	Ahli

AHLI JAWATANKUASA HAK DAN KEBEBASAN

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri	-	Pengerusi
Yang Berhormat Teh Lai Heng	-	Ahli
Yang Berhormat Ong Ah Teong	-	Ahli
Yang Berhormat Wong Yuee Harng	-	Ahli
Yang Berhormat Chee Yeeh Keen	-	Ahli
Yang Berhormat Gooi Hsiao-Leung	-	Ahli,

Yang Berhormat Kumaresan a/l Aramugam	-	Ahli
YB. Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican	-	Ahli
YB. Amir Hamzah bin Abdul Halim @ Md. Hashim	-	Ahli
Yang Berhormat Nor Zamri bin Latiff	-	Ahli
Yang Berhormat Azmi bin Alang	-	Ahli

AHLI JAWATANKUASA DEWAN

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri	-	Pengerusi
Yang Berhormat Teh Lai Heng	-	Ahli
Yang Berhormat Joseph Ng Soon Siang	-	Ahli
Yang Berhormat Heng Lee Lee	-	Ahli
Yang Berhormat Wong Yuee Harng	-	Ahli
Yang Berhormat Kumaresan a/l Aramugam	-	Ahli
Yang Berhormat Lee Boon Heng	-	Ahli
YB. Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican	-	Ahli
Yang Berhormat Mohd Yusni bin Mat Piah	-	Ahli
Yang Berhormat Mohd Shukor bin Zakariah	-	Ahli
Yang Berhormat Muhamad bin Kasim	-	Ahli

AHLI JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN MESYUARAT

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri	-	Pengerusi
Yang Berhormat Phee Syn Tze	-	Ahli
Yang Berhormat Joseph Ng Soon Siang	-	Ahli
Yang Berhormat Kumaran a/l Krishnan	-	Ahli
Yang Berhormat Chee Yeeh Keen	-	Ahli
Yang Berhormat Lee Khai Loon	-	Ahli
Yang Berhormat Lee Boon Heng	-	Ahli
YB. Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican	-	Ahli
Yang Berhormat Mohd Sobri bin Saleh	-	Ahli
Yang Berhormat Nor Zamri bin Latiff	-	Ahli
Yang Berhormat Izhar Shah bin Datuk Arif Shah	-	Ahli

AHLI JAWATANKUASA PERLEMBAGAAN

Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow	-	Pengerusi
Yang Berhormat Ong Ah Teong	-	Ahli
Yang Berhormat Phee Syn Tze	-	Ahli
Yang Berhormat Tan Hooi Peng	-	Ahli
Yang Berhormat Kumaran a/l Krishnan	-	Ahli
Yang Berhormat Joshua Woo Sze Zeng	-	Ahli
Yang Berhormat Goh Choon Aik	-	Ahli
Yang Berhormat Gooi Hsiao-Leung	-	Ahli
Yang Berhormat Muhammad Fauzi bin Yusoff	-	Ahli
Yang Berhormat Bukhori bin Ghazal	-	Ahli
Yang Berhormat Zulkefli bin Bakar	-	Ahli

Usul pelantikan Ahli Jawatankuasa Tap telah dipersetujui dan disokong.

6. PENANGGUHAN

Y.A.B. Ketua Menteri telah mencadangkan supaya Dewan ditangguhkan dan usul telah mendapat sokongan. YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri telah menangguhkan Persidangan Dewan ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Dewan ditangguhkan pada jam 5.05 petang.

(YB. DATO' LAW CHOO KIANG, DMPN)

Yang di-Pertua \
Dewan Undangan Negeri
Pulau Pinang

Tarikh : 30 April 2024